

PENCETUS MINDA KOPERASI NEGARA

INFO

BIL. 1/2025 ISSN 0127-0123



Majlis Pemasyhuran Pro-Canselor dan Konvokesyen Pertama IKMa - UKKM



Dari Meja Ketua Editor

"Majlis Pemasyhuran Pro-Canselor dan Konvokesyen Pertama IKMa - UKKM, sebuah detik bersejarah yang menandakan peranan IKMa dan Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) dalam melahirkan modal insan koperasi yang berdaya saing di peringkat nasional dan global."

Hamidah Mohd Jos

Assalamualaikum dan Salam Malaysia MADANI kepada semua pembaca setia Majalah INFO yang dihargai.

Alhamdulillah, sejak lebih 40 tahun penerbitannya, Majalah INFO terus menjadi wadah utama dalam menyebarkan informasi terkini berkaitan dunia koperasi. Dengan variasi kandungan yang lebih segar dan ilustrasi menarik, Majalah INFO kekal komited menyampaikan perkembangan semasa berkaitan program latihan, pembangunan serta pencapaian Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dari semasa ke semasa.

Edisi kali ini cukup istimewa apabila mengetengahkan liputan utama mengenai Majlis Pemasyhuran Pro-Canselor dan Konvokesyen Pertama IKMa - UKKM, sebuah detik bersejarah yang menandakan peranan IKMa dan Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) dalam melahirkan modal insan koperasi yang berdaya saing di peringkat nasional dan global. Selain itu, edisi ini turut merakamkan pencapaian membanggakan IKMa di peringkat serantau apabila menerima pengiktirafan dalam Asia Pacific Sustainability Conference & Awards 2025. Kejayaan ini mengangkat martabat IKMa serta gerakan koperasi Malaysia di mata dunia.

Dalam usaha memperkukuh reputasi sebagai pusat latihan koperasi unggul, pencapaian ini membuktikan bahawa pendekatan latihan dan pembangunan kapasiti IKMa semakin diiktiraf di dalam dan luar negara. Ia adalah hasil komitmen seluruh warga IKMa serta sokongan kementerian, rakan strategik antarabangsa dan para koperator di seluruh Malaysia.



Selain liputan khas tersebut, pelbagai artikel menarik turut dimuatkan, antaranya paparan program tahunan JOM@COOP, penganjuran CEO Talk, seminar transformasi digital koperasi, serta pelbagai perkongsian ilmu dan kejayaan koperasi. Semoga kandungan ini memberi manfaat bukan sahaja kepada warga koperasi, malah memperkukuh peranan IKMa sebagai hub pendidikan dan latihan koperasi bertaraf global.

Akhir kata, semoga majalah ini memberi inspirasi dan pengetahuan baharu kepada para pembaca. Teruskan menyokong Majalah INFO sebagai rakan ilmu anda dalam dunia koperasi. Bersama-sama kita jayakan agenda memperkasa koperasi demi masa depan komuniti dan negara.

Sekian, terima kasih.

Sidang Editor

Penasihat

YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor

Ketua Editor

Hamidah Mohd Jos

Editor

Nor Aslamiah Ali
Nur Syazwani Zainul Abidin
Mohamad Suandi Mortadza
Muhammad Afnan Hasim
Noor Shafeeza Zainuddin
Norawati Ngatmin

Nur Syamimi Othman
Adila Hashim
Maryam Hamidah Mohd Ghazi
Afiza Abdul Karim
Khairul Akmal Saim
Nor Azmawati Hj. Mohd Shafii
Mohamad Haniff Mohamad
Hashim
Nazirah Baharudin
Julizah Sabstu
Nuur-Fadzillah Zullkepli
Norul Hayatie Hashim

Muhamad Shafiq Mohd Noor
Norfaezah Mahmood
Zaharatul Laili Zakaria
Nur Ain Azmira Abu Seman

Urus Setia

Sharepah Nur Azirah Shareh
Abd Rahman

Rekabentuk & Dicetak

AM SOLUTIONS MASTER
amsprint@gmail.com

Kandungan

EKSKLUSIF

- Majlis Pemasyhuran Pro-Canselor dan Konvokesyen Pertama IKMa - UKKM 04
IKMa Diiktiraf Peringkat Serantau Sempena "Asia Pacific Sustainability Conference & Awards 2025" 06

JOM@COOP 2025

- Mendekati Komuniti, Memperkasa Koperasi Luar Bandar 08
Teroka Ilmu e-invois di Keningau 10
Penternakan Ayam Penelur dan Pembangunan Modal Insan: Fokus JOM@COOP di Serian 12
Rahsia Jana Untung Bisnes 14
Miri Lokasi Pertama Program JOM@COOP 2025 15
JOM@COOP di Lawas Tarik Minat 170 Peserta 16
Kecerdasan Buatan dalam Tadbir Urus Koperasi 17
Menjulung Koperasi, Memperkasa Integriti 18
Paku Midin: Jana Pendapatan Lumayan 19
CSR IKMa Zon Sabah Bukti Keprihatinan Terhadap Komuniti 20
Menoktahkan Kemiskinan Melalui Model Perniagaan Koperasi 21
Moh Komer Kita Berkoperasi 23
Jatuh Bangun Koperasi 25
JOM@COOP 2025 Ketengahkan "COOPBif" Jejak Berliku 27
Cakna COOPBif 28
Membina Kekuatan Koperasi dari Akar Umbi 30
IKMa Zon Tengah Jayakan Program JOM@COOP di Kuala Pilah 32
E-invois: Pengenalan dan Mekanisme Pelaksanaan Bicara Emas & Niaga di JOM@COOP Kota Bharu 33
IKMa Zon Selatan Rancakkan Promosi Latihan dan Pendidikan Koperasi 35
Memimpin dan Dipimpin: Strategi dan Realiti Koperasi 37 39

FOKUS

- CEO Talk: Inspirasi Kepimpinan Koperasi 40
Seminar Transformasi Digital Koperasi: Ubah atau Rebah 41

PERSPEKTIF

- Lonjak Pendapatan KPDRM Melalui Miricle Big E-Invois: Digitalisasi Pengurusan Pentadbiran Cukai Koperasi 43
Menetapkan Hala Tuju Koperasi Melalui Kursus Pengurusan Strategik (Wajib 3) 44
Amalan Environmental, Social and Governance (ESG) dalam Perniagaan Koperasi 45
Program Telling Our Stories, Building Strong Cooperative Brands In The Digital Era 46
Mempertingkatkan Kompetensi Koperator Melalui Kursus Pengurusan Krisis 47
Mindset Pemenang: Cara Berfikir Seorang CEO 48
Dari Halal ke Berkat, Syariah Diperhebat 50
Peluang Perniagaan ALK Koperasi Kluster Mikro Felda 51
Projek Ternakan Ayam Penelur Menjadi Pilihan Koperasi Komuniti 52
Program Credit Union Cooperative Edutour (CUCE 2025) 53
91 Graduan Sijil Eksekutif Diraikan dalam Majlis Apresiasi Sijil Eksekutif Sesi 2024 55
Koperasi Kariah Masjid Terus Diperkasa 57
Kolokium: Platform Dinamik Perkongsian Ilmu 58

JARINGAN

- IKMa Perkukuh Hubungan Malaysia-Bosnia & Herzegovina Business Council 59
Lawatan IKMa ke UMT Perkukuh Kerjasama 60
Lawatan Rasmi IKMa ke UniSZA 60
Sinergi IKMa-Yayasan ANGKASA dalam Memacu Pendidikan Koperasi Belia 61
Inisiatif Strategik Menyantuni Koperasi Luar Bandar 62
Rahsia Kejayaan Koperasi "From Zero to Hero" 64
Majlis Penghargaan Alumni G2K, Cungkil Minat Mahasiwa Berkoperasi 65
UUM Kekal Juara Pertandingan Debat Koperasi 66

BERITA KAKITANGAN

- Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) IKMa 69



Majlis Pemasyhuran Pro-Canselor dan Konvokesyen Pertama IKMa - UKKM

Siti Hajar Saaey
hajar@ikma.edu.my
Pejabat Ketua Pengarah

Pada 20 Februari 2025, Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM), anak syarikat Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah mengadakan satu Majlis Pemasyhuran Pro-Canselor dan Konvokesyen Pertama UKKM bertempat di Dewan Tun Dr. Ismail, World Trade Centre (WTC) Kuala Lumpur. Majlis yang julung kali diadakan ini dihadiri oleh YB Datuk Ewon Benedick, Canselor UKKM merangkap Menteri

Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Tan Sri Dato' Sri Mohamad Fuzi Harun, Pro-Canselor UKKM serta barisan pengurusan tertinggi UKKM. Selain itu, majlis turut dihadiri hampir 300 tetamu jemputan yang terdiri daripada graduan, ibu bapa graduan, ketua-ketua agensi, wakil-wakil koperasi serta warga UKKM dan IKMa. Majlis Pemasyhuran Pro-Canselor dan Konvokesyen Pertama UKKM ini

dimulakan dengan pemasyhuran Pro-Canselor UKKM yang baharu iaitu YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud, Ketua Setiausaha (KSU) KUSKOP yang menggantikan YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, mantan Ketua Setiausaha KUSKOP.

Seterusnya, majlis diserikan dengan penganugerahan graduan sulung UKKM iaitu bagi program Master in

Business Administration (Cooperative Management) yang merupakan kohort pertama pengambilan UKKM pada Julai 2023 yang lalu. Seramai 13 graduan telah diraikan dalam majlis ini yang disempurnakan oleh YB Datuk Ewon Benedick selaku Canselor UKKM. Di majlis yang bersejarah ini, YB Datuk Ewon Benedick merakamkan ucapan tahniah kepada para graduan sulung UKKM yang telah berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dan memaklumkan bahawa kesemua graduan kohort pertama ini merupakan golongan yang telah bekerja terutama

dalam sektor koperasi dengan pelbagai jawatan, sama ada CEO, COO, Pengerusi Koperasi dan pelbagai jawatan tinggi. Oleh yang demikian, beliau menyeru penglibatan koperasi dan lebih ramai golongan muda dalam UKKM agar jenama koperasi dapat diremajakan. Majlis ini turut disertakan dengan penganugerahan enam anugerah khas yang diberikan kepada para graduan yang terpilih. Anugerah Khas ini merupakan anugerah yang ditaja oleh beberapa koperasi dan Islamic Sosioeconomics Development Foundation (ISDEF). Majlis seterusnya diteruskan dengan

ucapan wakil graduan dan pengisytiharan penungguhan Konvokesyen Pertama UKKM.

Secara keseluruhannya, Majlis Pemasyhuran Pro-Canselor dan Konvokesyen Pertama UKKM ini dilihat berjaya mencapai objektif yang diinginkan. Semoga majlis ini dapat diteruskan dan menjadi satu platform yang berkesan dalam melahirkan bakat dan modal insan gerakan koperasi yang dapat menjadikan IKMa dan UKKM menjadi pusat kecemerlangan bidang keusahawanan koperasi di dunia.



► Barisan Canselor, Pro-Canselor, Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi UKKM



► Pemasyhuran YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie Daud, KSU KUSKOP selaku Pro-Canselor UKKM yang disampaikan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Canselor UKKM



► Canselor UKKM, YB Datuk Ewon Benedick menyampaikan skrol *Master in Business Administration (Cooperative Management)* kepada salah seorang pelajar



► Canselor UKKM, YB Datuk Ewon Benedick menyampaikan Anugerah Pelajar Terbaik MBA Keseluruhan kepada Ir. Hj. Mat Zin Hussain, salah seorang pelajar *Program Master in Business Administration (Cooperative Management)*



IKMa Diiktiraf Peringkat Serantau Sempena "Asia Pacific Sustainability Conference & Awards 2025"

Juliana Md Yusop
juliana@ikma.edu.my
Sektor Keberhasilan

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) melakar sejarah apabila berjaya merangkul pengiktirafan berprestij dalam Asia Pacific CEO Sustainability Awards 2025 yang berlangsung pada 21 Mei 2025 di M World Hotel, Petaling Jaya, Selangor. Anugerah ini merupakan bukti nyata terhadap komitmen IKMa dalam memacu kelestarian, tadbir urus baik dan inovasi pendidikan koperasi mampan di Malaysia dan rantau Asia Pasifik.

Majlis penganugerahan yang dirasmikan oleh YAM Tunku Dato' Seri Utama Naquiyuddin Ibni Almarhum Tuanku Ja'afar berlangsung meriah dihadiri oleh seramai 100 orang para penerima anugerah yang mewakili negara, antaranya Malaysia, Egypt, Filipina dan Singapura. Selain IKMa, organisasi lain daripada negara ini yang menerima penganugerahan tersebut antaranya, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Majlis Bandaraya Shah Alam

(MBSA), Antah Healthcare Group dan Cyberview Sdn. Bhd.

Sustainable Business Network Association Malaysia (SustNET) selaku penganjur telah mempertaruhkan tiga kategori penganugerahan iaitu; *Sustainability Champions Award*, *Outstanding Sustainability Practices Award* dan *Influential Leader/CEO Sustainability Award*. IKMa merangkul dua kategori iaitu; *Sustainability Champions Award* melalui Ketua Pengarah, YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor serta Encik Mohd. Zaib Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan (PMI) dan Puan Sri Datin Seri Noraesyah Saari, Pengarah Kanan Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan (BKP). Manakala Puan Juliana Md Yusop, Pegawai Latihan di Sektor Keberhasilan dianugerahi *Influential Leader/CEO Sustainability Award*.

Pengiktirafan diberikan kepada IKMa atas komitmen berterusan memperkasa gerakan koperasi melalui pendidikan yang berasaskan nilai kelestarian. Antara faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan tersebut adalah pelaksanaan program latihan dan bimbingan berorientasikan kelestarian dan kemampanan (*sustainability*) yang dimulakan sejak tahun 2021 khususnya kepada koperasi yang menjalankan aktiviti pelancongan. IKMa juga turut membangunkan silibus latihan yang diselaraskan dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, meliputi latihan kepimpinan koperasi, pembangunan ekonomi komuniti dan pengurusan perniagaan lestari.

Selain IKMa, pemimpin tiga buah koperasi yang mengikuti Program Bimbingan Pelancongan Mampan (*Sustainable Tourism*) pada tahun 2024 turut menerima anugerah *Influential Leader/CEO Sustainability Award*.



► Barisan tetamu kehormat bersama perasmian YAM Tunku Dato' Seri Utama Naquiyuddin Ibni Almarhum Tuanku Ja'afar



► Ucapan perasmian oleh YAM Tunku Dato' Seri Utama Naquiyuddin Ibni Almarhum Tuanku Ja'afar



► Penerima anugerah dari IKMa bergambar kenangan bersama YAM Tunku Dato' Seri Utama Naquiyuddin Ibni Almarhum Tuanku Ja'afar



► Barisan penerima anugerah *Influential Leader/CEO Sustainability Award*

Koperasi layak menerima anugerah atas usaha dan komitmen menerapkan elemen lestari dan mampan melalui operasi aktiviti pelancongan yang mereka jalankan.

Koperasi tersebut adalah;

- Koperasi Komuniti Kampung Kilim Langkawi Berhad (KOPKILIM) diwakili oleh Encik Imran bin Ismail, Pengurus
- Koperasi Eko Pelancongan Gua Sireh Baling Berhad diwakili oleh Encik Mohd Sazli Ibrahim, Pengerusi.

- Koperasi Ekonomi Lestari Langkawi Berhad, diwakili oleh Puan Latipah Jan, Anggota.

Sebagai mewakili penerima anugerah dalam kalangan pegawai IKMa dan koperasi, Ketua Pengarah IKMa, YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor menyatakan rasa syukur atas pengiktirafan tersebut dan menekankan bahawa kejayaan ini adalah hasil usaha kolektif seluruh warga IKMa serta koperasi-koperasi yang sentiasa mendukung nilai kelestarian. Menurut beliau, "Anugerah ini bukan sekadar pengiktirafan kepada IKMa, tetapi kepada seluruh gerakan koperasi

Malaysia. Kami akan terus komited memperkasakan pendidikan koperasi yang berasaskan nilai lestari, inklusif dan inovatif," ujar beliau.

Penerimaan *Asia Pacific Sustainability Awards 2025* menjadi bukti bahawa IKMa berada di landasan yang tepat dalam menjadikan pendidikan koperasi sebagai pemacu pembangunan mampan. Dengan pencapaian ini, IKMa bukan sahaja mengharumkan gerakan koperasi negara, malah menjadi pencetus inspirasi kepada institusi lain dalam menjadikan kelestarian sebagai teras utama pembangunan masa hadapan.

Mendekati Komuniti, Memperkasa Koperasi Luar Bandar

Yusri Tarip

yusri@ikma.edu.my
IKMa Zon Sabah

Norawati Ngatmin

norawati@ikma.edu.my
IKMa Zon Sabah



► Puan Shamsiah mewakili kumpulan penyelidik menerima watikah perlantikan daripada YB Datuk Ewon Benedick

Program JOM@COOP yang diperkenalkan pada tahun 2025 merupakan inisiatif baharu oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dengan misi mendekati komuniti koperasi di kawasan luar bandar. Usaha ini bertujuan untuk menyantuni koperasi yang selama ini agak terpinggir daripada akses maklumat dan latihan yang ditawarkan oleh IKMa. Pendekatan inklusif turut merangkumi koperasi di kawasan pinggir bandar agar tidak ketinggalan dalam arus pembangunan koperasi nasional.

Program ini juga bermatlamat meningkatkan kesedaran masyarakat tentang manfaat berkoperasi serta

memperkenalkan pelbagai perkhidmatan dan latihan yang disediakan oleh IKMa. Pendekatan ini diharap dapat membantu koperasi baharu dan koperasi kurang aktif mengatasi kekurangan maklumat, seterusnya menyemarakkan pembangunan koperasi yang lebih mampan, dinamik dan berdaya saing.

Program sulung JOM@COOP di Negeri Sabah telah berlangsung dengan jayanya pada 23 Februari 2025 (Ahad) di International Technology Commercial Centre (ITCC), Penampang. Ia dianjurkan melalui kerjasama antara IKMa Zon Sabah dan Unit Komunikasi Korporat (UKK), serta disempurnakan

oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), YB Datuk Ewon Benedick. Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Kementerian, Timbalan Ketua Setiausaha (KSU), Setiausaha Bahagian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, serta ketua-ketua agensi di bawah KUSKOP sebagai tanda sokongan kuat kerajaan terhadap pemerkasaan koperasi luar bandar.

Program diteruskan pada 10 Jun 2025 (Selasa) di Dewan Serbaguna Tamu Desa, Kampung Melangkap, Kota Belud, hasil kerjasama IKMa Zon Sabah dan Koperasi Eko Pelancongan Melangkap. Istimewanya program



► Paluan gong simbolik perasmian, JOM@COOP Penampang

kali ini ialah kehadiran penceramah jemputan daripada Koperasi Manjung Persalam, Perak iaitu koperasi berjaya dalam pengurusan pasar malam bagi berkongsi amalan terbaik sebagai rujukan kepada Koperasi Tamu Desa di Kampung Melangkap. Majlis ini sekali lagi dirasmikan oleh YB Menteri sempena Pesta Kaamatan dan pelancaran rasmi Tamu Desa Zon Melangkap, sebuah inisiatif yang dekat di hati beliau. Tamu desa bukan sahaja menjadi pusat ekonomi luar bandar, tetapi juga simbol warisan budaya dan kekuatan komuniti.

Menyokong aspirasi ini, IKMa kini menjalankan penyelidikan bertajuk “*Projek Tamu Desa: Model Koperasi sebagai Pengupayaan Keusahawanan Luar Bandar*” bersama penyelidik dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan IKMa Zon Sabah. Watah pelantikan penyelidik turut diserahkan pada majlis tersebut. Kajian ini diharap menjadi pemangkin kepada pelaksanaan model tamu desa koperasi yang lebih tersusun, mampan dan berasaskan komuniti.

Sepanjang program berlangsung, peserta diberi peluang mengikuti sesi ceramah dan perkongsian pengalaman daripada koperasi yang telah berjaya. Turut diadakan ialah pameran melibatkan agensi-agensi KUSKOP dan koperasi terpilih. Melalui pameran ini, pengunjung dapat memahami peranan

setiap agensi serta mengetahui pelbagai peluang sokongan dan bantuan yang ditawarkan.

Jelajah JOM@COOP Zon Sabah

Bagi Zon Sabah, lima lokasi terpilih telah dipilih bagi penganjuran program, melibatkan penyertaan aktif daripada koperator, usahawan dan masyarakat setempat:

- **Beaufort** – 10 April 2025
Dewan Perpaduan DHRM, Kg. Lago
Peserta: 88 orang
- **Ranau** – 15 April 2025
Dewan Serbaguna Kg. Kilimu
Peserta: 84 orang
- **Keningau** – 22 April 2025
Hotel Perkasa
Peserta: 120 orang
- **Matunggong, Kudat** – 22 Mei 2025
Dewan Mini Pejabat Urusetia Daerah Kecil
Peserta: 88 orang
- **Kota Belud** – 10 Jun 2025
Dewan Serbaguna Tamu Desa Kg. Melangkap
Peserta: 122 orang



► Perkongsian penceramah Bantu Tani Sdn. Bhd. kepada peserta JOM@COOP Matunggong Kudat

Secara keseluruhannya, program JOM@COOP 2025 peringkat IKMa Zon Sabah telah berjaya mencapai matlamatnya dalam menyemarakkan kembali semangat berkoperasi di kawasan luar bandar. Kehadiran lebih 80 peserta di setiap lokasi membuktikan sambutan yang amat memberangsangkan daripada komuniti setempat. IKMa bukan sahaja berjaya menyampaikan maklumat dan latihan kepada golongan sasaran, malah turut merapatkan jurang pengetahuan antara koperasi bandar dan luar bandar. Adalah diharapkan program seumpama ini dapat diteruskan dan diperluas ke seluruh negara, agar tiada koperasi yang tercicir dalam arus pembangunan negara.

Teroka Ilmu e-Invois di Keningau

Yusri Tarip

yusri@ikma.edu.my
IKMa Zon Sabah

Norawati Ngatmin

norawati@ikma.edu.my
IKMa Zon Sabah



► Majlis perasmian penutupan telah disempurnakan oleh YB Tuan Onn Abu Bakar



► Lebih 120 peserta hadir menjayakan program

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sabah telah menganjurkan program bicara ilmu dengan tajuk *'E-Invois: Transformasi Digital dalam Pengurusan Cukai Koperasi'* dan JOM@COOP 2025 bertempat di Hotel Perkasa, Keningau pada 22 April 2025. Program ini dilaksanakan dengan objektif untuk meningkatkan pemahaman koperasi tentang keperluan pendigitalan dalam pengurusan cukai serta memperluaskan jangkauan hebahan latihan dan pembangunan koperasi khususnya koperasi luar bandar. Melalui program bicara ilmu yang dianjurkan ini, IKMa mengharapkan agar gerakan koperasi khususnya di Sabah terdedah dan mula memahami perkembangan semasa berkaitan teknologi percukaian, yang mana penggunaan e-invois dalam urusan cukai dilihat sebagai langkah menyokong transformasi digital negara.

Pendekatan dalam menyantuni koperasi sama ada di luar bandar mahupun di bandar melalui program JOM@COOP 2025 pula adalah selaras dengan usaha IKMa untuk memastikan koperasi di Malaysia amnya dan di Sabah khususnya mendapat akses kepada latihan dan maklumat terkini secara lebih meluas



► Salah seorang peserta menerima hadiah soalan kuiz IKMa

dan efektif. Program bicara ilmu bertajuk *'E-Invois: Transformasi Digital dalam Pengurusan Cukai Koperasi'* menjadi permulaan kepada usaha memperkasa koperasi dengan pengetahuan semasa berkaitan pendigitalan pengurusan cukai selari dengan keperluan transformasi digital negara.

Program separuh hari ini bermula pada pukul 8.30 pagi dengan sesi ceramah oleh Puan Tammy Chew, SMB Channel Manager Sabah bertajuk *'Geran Digital Perusahaan Mikro Kecil dan sederhana (PKMS Madani): Lonjakan*

kepada Keusahawanan Koperasi'. Seterusnya, program disambung dengan penyampaian taklimat promosi program latihan IKMa sepanjang tahun 2025 yang telah disampaikan oleh Puan Syamsiah Shamsudin, Pegawai Latihan Kanan IKMa Sabah. Sesi diteruskan dengan perkongsian pengalaman kejayaan koperasi oleh Puan Emalia Rabin, ALK merangkap penyelaras Homestay, Koperasi Desa Cinta KOBUNI Berhad. Beliau telah bercakap berkenaan pengalaman koperasi mengharungi perit getir cabaran sebelum berjaya dalam perniagaan homestay. Dan



► Puan Syamsiah Shamsudin menyampaikan taklimat promosi program latihan IKMa 2025



► Encik Alexander Iskandar menyampaikan ceramah utama berkenaan e-Invois



► Puan Emalia Rabin berkongsi kisah kejayaan Homestay KOBUNI dalam sektor pelancongan koperasi



► Antara reruai koperasi mempamerkan produk hasil keluaran koperasi



► Peserta mengajukan soalan semasa sesi soal jawab

akhirnya program diteruskan dengan penyampaian tajuk utama iaitu *E-Invois: Digitalisasi Pengurusan Pentadbiran Cukai Koperasi* oleh Encik Alexander Iskandar, Eksekutif Hasil Kanan 1. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Sabah.

Majlis perasmian penutupan telah disempurnakan oleh YB Tuan Onn Abu Bakar, Pengerusi Lembaga Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKMa). Selain itu, program bicara ilmu dan JOM@COOP 2025 di Keningau ini turut menyediakan ruang pameran. Sebanyak lapan buah meja pameran telah disediakan dan telah dipenuhi oleh para pempamer yang terdiri dalam kalangan koperasi dan agensi kerajaan.

Program pada kali ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dengan kehadiran seramai 120 orang peserta dari pelbagai latar belakang jawatan yang terdiri daripada 33 buah koperasi serta 6 agensi yang berkaitan koperasi. Semoga segala perkongsian ilmu yang diperoleh daripada program bicara ilmu dan JOM@COOP 2025 ini akan memberi manfaat kepada semua peserta yang hadir. Program separuh hari ini telah melabuhkan tirainya pada pukul 1.00 petang.

Penternakan Ayam Penelur dan Pembangunan Modal Insan: Fokus JOM@COOP di Serian

Frank Meol

frank@ikma.edu.my
IKMa Zon Sarawak



► YB Datuk Willie anak Mongin bergambar bersama peserta JOM@COOP yang hadir menyokong program IKMa

Bersempena dengan program JOM@COOP Sarawak, telah diadakan bicara ilmu bertajuk “Penternakan Ayam Penelur: Potensi Jana Pendapatan Koperasi” pada 11 Februari 2025 bertempat di Hotel Roxy, Serian, Sarawak. Program ini merupakan program tahunan anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKMa) yang bertujuan untuk mempromosikan program dan latihan dan pendidikan koperasi sepanjang tahun 2025 yang dianjurkan oleh IKMa. Program ini turut berkongsi info dan peluang terkini kepada para koperasi dan usahawan yang hadir. Perasmian program telah disempurnakan oleh YB Datuk Willie anak Mongin, Lembaga Pengarah IKMa

merangkap Ahli Parlimen (Puncak Borneo).

Seramai 203 penyertaan daripada warga koperasi Bahagian Serian dan Samarahan serta usahawan tempatan sempena program tersebut. Program turut dimeriahkan dengan sembilan buah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan kerajaan negeri termasuk IKMa, SKM, TEKUN, SME Corporation, PERNAS, Bank Rakyat, COOP Bank Pertama, AIM, ANGKASA dan SEDC. Di samping itu, mereka juga telah membuka meja untuk memberikan info dan meja jualan memaparkan produk dan perkhidmatan mereka kepada

peserta. Sempena perasmian program juga telah diserahkan sijil penyertaan dua buah Koperasi Miricle iaitu Koperasi Rayang Serian Berhad dan Koperasi Lubok Antu Reban Serian Sarawak yang telah tamat program bimbingan bersasar selama setahun bersama IKMa dan penyerahan bantuan Prihatin Madani IKMa kepada golongan miskin tegar yang telah terkesan oleh bencana banjir besar di Bahagian Serian.

Selain itu, terdapat dua pembentangan kertas kerja daripada IKMa dan UPM yang bertajuk “Pencapaian Program Pembangunan Modal Insan Koperasi (PMI) 2024 & Fokus PMI 2025” telah disampaikan oleh Encik Frank Meol,



► Sebilangan peserta JOM@COOP yang hadir mendengar taklimat dan ceramah yang disampaikan



► Ucapan perasmian program telah disempurnakan oleh YB Datuk Willie anak Mongin

pegawai latihan kanan dari Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak. Kertas kerja ini memberi tumpuan kepada strategi pembangunan modal insan dalam sektor koperasi, menganalisis kejayaan program pada tahun 2024 dan merangka hala tuju untuk tahun 2025.

Kertas kerja kedua yang bertajuk “Penternakan Ayam Penelur: Potensi Jana Pendapatan Koperasi,” seterusnya

telah disampaikan oleh Dr. Carlina Freddie Simoi @ Rachellynna dari Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu. Pembentangan Dr. Carlina memberikan gambaran menyeluruh tentang potensi penternakan ayam penelur sebagai sumber pendapatan yang lumayan untuk koperasi. Beliau banyak menerangkan tentang pelbagai aspek penting dalam penternakan ayam

penelur, bermula dari pemilihan baka yang sesuai, pembinaan reban, kawalan penyakit, kos-kos pengeluaran, termasuk kos makanan, upah, dan utiliti, serta menggariskan strategi pemasaran yang berkesan bagi memastikan keuntungan yang maksimum.

Secara keseluruhannya, program JOM@COOP 2025 telah mencapai objektif dalam meningkatkan kesedaran dan pengetahuan peserta tentang program latihan dan pendidikan bersasar IKMa bagi memperkasakan pembangunan koperasi di Malaysia khususnya di Sarawak serta potensi penternakan ayam penelur sebagai sumber pendapatan yang berdaya maju. Diharapkan segala input yang dikongsikan mampu menjadikan sektor koperasi terus berkembang agar dapat memenuhi sasaran kerajaan yang ditetapkan. segala input yang dikongsikan bersama peserta mampu menjadikan sektor koperasi khususnya di Sarawak terus mengalami anjakan berterusan dan menyokong sasaran kerajaan agar sektor koperasi mencapai sumbangan signifikan kepada KDNK negara.

Rahsia Jana Untung Bisnes

Mohamad Suandi Mortadza
msuandi@ikma.edu.my
IKMa Zon Sarawak



► YBhg. Datuk Baharom bersama tetamu jemputan dan peserta yang hadir



► YBhg. Datuk Baharom bersama wakil Koperasi Sungai Sut Kapit



► YBhg. Datuk Baharom menerima cenderamata daripada pempamer



► Sebahagian daripada peserta yang hadir

Pada 13 Februari 2025 yang lalu bertempat di Hotel Kingwood Sibu telah berlangsung Program JOM@COOP Mempromosi Latihan dan Pendidikan Koperasi 2025 anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sarawak. Pada kali ini, perkongsian pengalaman menarik telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Datuk Baharom Embi, Anggota Lembaga Pengarah IKMa yang juga merupakan Pengerusi CoopBank Pertama dengan tajuk

“Rahsia Jana Untung Bisnes”. Beliau juga sekali gus menyampaikan ucap-tama perasmian program pada kali ini.

Program ini telah dihadiri oleh seramai 165 orang peserta dari sekitar bandar Sibu. Antara lain pengisian program adalah Tayangan Klip Video Apa Kata Bekas Peserta Program IKMa Zon Sarawak. Manakala Taklimat IKMa pula telah disampaikan oleh Encik

Mohamad Suandi Mortadza, Pensyarah Kanan IKMa Zon Sarawak. Selain itu, program pada kali ini juga turut dimeriahkan dengan pameran produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh usahawan, koperasi dan juga agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Sementara itu, Puan Siti Maimunah Jerni, Pengarah IKMa Zon Sarawak juga turut bersama dalam program ini.

Miri Lokasi Pertama Program JOM@COOP 2025

Syarifah Rohaya Hj Wan Idris
syarifah@ikma.edu.my
IKMa Zon Sarawak



► Sesi bergambar YB Datuk Willie bersama jemputan dan peserta selepas majlis perasmian penutup



► Lawatan ke ruai pameran agensi dan jualan usahawan koperasi selepas majlis perasmian penutup

Pada 21 Januari yang lalu, Miri menjadi lokasi pertama yang dipilih untuk diadakan program JOM@COOP IKMa 2025. Program yang diadakan di Eastwood Valley Golf and Country Resort Miri di bawah anjuran IKMa Cawangan Miri ini bertujuan memberi informasi berkenaan peranan IKMa sebagai platform utama dalam pendidikan dan latihan untuk gerakan koperasi dan komuniti usahawan melalui program-program yang akan dianjurkan sepanjang tahun 2025.

Selain itu, program ini juga bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan peserta tentang pembangunan produk tempatan dan strategi untuk memasarkan ke pasaran global serta memberi pendedahan tentang pelbagai peluang pasaran antarabangsa dan cara untuk mengembangkan perniagaan mereka melalui sesi bicara ilmu yang diselitkan di dalam program ini.

Sesi bicara ilmu dimulakan oleh Puan Syarifah Rohaya Hj. Wan Idris yang membentangkan pencapaian pembangunan modal insan koperasi bagi tahun 2024 serta fokus untuk 2025. Seterusnya, Encik Mohammad Mubarak Abdillah Su'ut dari Sarawak Trade and Tourism Office Brunei Darussalam (STATOB) yang mengupas strategi penting dalam menembusi pasaran antarabangsa serta cabaran yang perlu diatasi oleh usahawan tempatan. Kemudian diikuti oleh Puan Awaeng anak Kwasin, pengasas produk Nang Ori, yang berkongsi perjalanan perniagaannya, strategi yang digunakan serta cabaran yang dihadapinya dalam membawa produk tempatan ke pasaran antarabangsa.

Perasmian penutupan program ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Willie anak Mongin, Ahli Lembaga Pengarah IKMa merangkap Ahli Parlimen Puncak Borneo. Dalam ucapannya, beliau

menggalakkan lebih banyak koperasi dan usahawan tempatan untuk meneroka peluang di pasaran antarabangsa dan menyokong inisiatif kerajaan dalam memajukan sektor koperasi. Encik Mohd Zaib Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan) Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Encik Norazlan bin Anuar (Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Sarawak) dan Puan Siti Maimunah Jerni (Pengarah IKMa Zon Sarawak) turut hadir dalam program ini.

YB Datuk Willie anak Mongin turut menyampaikan sijil penyertaan Program Million Ringgit Coop League (MiRiCLE) kepada Koperasi Qariah Masjid An-Naim Lutong Berhad, manakala sijil penghargaan Rakan Pasukan Sukarelawan Koperasi (PASKOP) turut diberikan kepada Encik Yusof Karta dan Dr. Mohd Idres yang telah membantu memperluaskan promosi program IKMa kepada koperasi dan komuniti setempat.

JOM@COOP di Lawas Tarik Minat 170 Peserta

Syarifah Rohaya Hj Wan Idris
syarifah@ikma.edu.my
IKMa Zon Sarawak



► YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor semasa memberikan ucapan dan merasmikan penutupan program JOM@COOP di Lawas



► YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor bergambar bersama tetamu yang hadir

Pada 25 Februari yang lalu, program JOM@COOP diteruskan lagi di Stadium Tertutup Lawas, Sarawak. Program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran seramai 170 orang peserta yang terdiri daripada pemimpin koperasi, kakitangan pengurusan koperasi, anggota koperasi, kakitangan kerajaan persekutuan dan negeri, ketua-ketua masyarakat, komuniti setempat, serta usahawan di sekitar daerah Lawas. Walaupun bilangan koperasi di Lawas hanya sekitar 56 buah, sambutan luar biasa ini menunjukkan kesedaran yang semakin meningkat terhadap peranan dan potensi koperasi dalam pembangunan ekonomi tempatan. Program ini dianjurkan oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Cawangan

Miri bagi memperkasakan pembangunan modal insan dan memperkenalkan peluang perniagaan koperasi kepada masyarakat dan komuniti koperasi.

Sesi bicara ilmu bermula pada 9.00 pagi dengan taklimat oleh Puan Syarifah Rohaya Hj. Wan Idris, Ketua Cawangan IKMa Cawangan Miri, yang membentangkan pencapaian pembangunan modal insan koperasi 2024 serta fokus 2025. Pada 10.30 pagi, Encik Teddy Asut, Penolong Pegawai Pertanian dari Pejabat Pertanian Daerah Lawas, menyampaikan perkongsian bertajuk “Bisnes Pisang Kapok: Modal Seringgit, Untung Berganda”. Sesi ini mendapat perhatian khusus daripada peserta, terutamanya dalam kalangan usahawan

yang berminat untuk menceburi bidang pertanian melalui koperasi.

Ucapan perasmian penutupan telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa, yang menekankan kepentingan koperasi dalam memperkasakan ekonomi luar bandar dan meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat. Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada peserta, sebagai tanda penghargaan terhadap penglibatan mereka dalam program ini. Puan Siti Maimunah Jerni (Pengarah IKMa Zon Sarawak) dan Encik Razali Rafee (Pengarah IKMa Zon Sabah) turut hadir dalam program ini.

Kecerdasan Buatan dalam Tadbir Urus Koperasi

Nur Fatin Shazwani Ahmad
nurfatinshazwani@ikma.edu.my
IKMa Zon Sarawak



► Puan Dorthy Steven semasa sesi perkongsian beliau



► YBhg. Dato' Sri Hj. Mohd Naroden bersama tetamu dan peserta yang hadir

Program Turun Padang JOM@COOP Mempromosi Latihan dan Pendidikan Koperasi 2025 Bahagian Kuching telah diadakan pada 27 Februari 2025 di Borneo Convention Centre Kuching (BCKC). Kuching merupakan destinasi kelima bagi program JOM@COOP, anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sarawak. Kehadiran seramai 221 orang peserta dalam kalangan lembaga koperasi (ALK), kakitangan pengurusan dan anggota koperasi di bahagian Kuching dan kawasan sekitarnya. Turut hadir ialah kakitangan jabatan dan agensi kerajaan, ketua kaum dan ketua masyarakat yang berpejabat dan tinggal di sekitar bandar raya Kuching.

Program Turun Padang JOM@COOP Mempromosi Latihan dan Pendidikan Koperasi 2025 yang diadakan saban tahun ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang koperasi kepada peserta yang hadir. Di samping itu, program ini juga memperkenalkan latihan dan pendidikan koperasi yang dianjurkan oleh IKMa secara keseluruhannya dan IKMa Zon Sarawak khususnya dan sesi



► Sebahagian peserta program yang hadir

memperkenalkan E-Learning Platform. Selain itu, sesi interaktif bersama pihak Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) turut dilaksanakan.

Dalam program ini juga turut diselitkan sesi perkongsian maklumat daripada penceramah jemputan menerusi slot bicara ilmu. Kali ini IKMa membawakan informasi berkaitan dengan Kecerdasan Buatan (AI) dalam tadbir urus koperasi yang telah disampaikan oleh Puan Dorthy Steven yang merupakan Profesional Hotelier dan Consultant Trainer Hotel Operations.

Majlis perasmian program JOM@COOP 2025 telah disempurnakan oleh YBhg. Dato Sri Haji Mohd Naroden Haji Majais, Penasihat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Kementerian Perdagangan Antarabangsa Industri dan Pelaburan Sarawak (MINTRADE). Dalam majlis perasmian ini juga menyaksikan sesi serahan sumbangan Prihatin MADANI IKMa kepada 10 orang penerima di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Puan Hamidah Mohd Jos, Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan IKMa dan Puan Siti Maimunah Jerni, Pengarah IKMa Zon Sarawak turut hadir bersama.

Menjulangi Koperasi, Memperkasa Integriti

Syarifah Rohaya Hj Wan Idris

syarifah@ikma.edu.my

IKMa Zon Sarawak (Cawangan Miri)



► Sesi bergambar bersama barisan peserta program



► YB Tuan Haji Azli Yusof merasmikan program

Pada 12 Mac 2025 yang lalu, Program JOM@COOP Bintulu 2025 telah berlangsung dengan jayanya di Hotel Kemena Plaza, Bintulu, Sarawak. Bertemakan “Menjulangi Koperasi, Memperkasa Integriti”, program ini dianjurkan oleh IKMa Cawangan Miri sebagai satu platform untuk memperkukuh tadbir urus koperasi yang berintegriti serta meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pembangunan modal insan dalam sektor ini. Bertepatan dengan pelaksanaannya di bulan Ramadan, program ini turut diisi dengan aktiviti berbentuk keagamaan dan kebajikan bagi menyemarakkan nilai-nilai ihsan dan kebersamaan dalam kalangan peserta.

Program telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran seramai 150 orang, terdiri daripada pemimpin koperasi, kakitangan

pengurusan koperasi, anggota koperasi, kakitangan kerajaan persekutuan dan negeri, ketua-ketua masyarakat, komuniti setempat, serta usahawan di sekitar bahagian Bintulu.

Sesi bicara ilmu bermula pada 2.00 petang dengan taklimat bertajuk “Pencapaian Program Pembangunan Modal Insan Koperasi 2024 & Fokus 2025” oleh Encik Hamizah Mohd Nadzir, Timbalan Pengarah IKMa Zon Sarawak. Sesi diteruskan pada 3.30 petang dengan perkongsian ilmu oleh Dr. Hjh. Hayati Md Salleh, Ahli Panel Tribunal Koperasi Malaysia merangkap Pengerusi Koperasi Pekebun Kecil Daerah Batu Pahat Berhad. Beliau membentangkan topik “Meningkatkan Kepercayaan Melalui Tadbir Urus Berintegriti: Asas Pembangunan Koperasi Mampan”, yang menekankan kepentingan etika dan

ketelusan dalam pengurusan koperasi bagi menjamin kepercayaan anggota dan masyarakat.

Program telah dirasmikan oleh YB Tuan Haji Azli Yusof, Ahli Parlimen Shah Alam merangkap Ahli Lembaga Pengarah IKMa. Sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) IKMa, satu inisiatif kemasyarakatan turut dilaksanakan melalui Penyampaian Sumbangan Prihatin kepada mangsa banjir di Bintulu sebagai tanda sokongan dan keprihatinan kepada komuniti yang terjejas, seiring dengan semangat bersedekah dan membantu sesama insan di bulan Ramadan. Encik Mohd Zaib Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan) IKMa dan Puan Siti Maimunah Jerni (Pengarah IKMa Zon Sarawak) turut hadir dalam program ini.

Paku Midin: Jana Pendapatan Lumayan

Vronica Kumang Lawrence
vronica@ikma.edu.my
IKMa Zon Sarawak

Pengenalan

- Eksport ke Brunei
Singapura
- Namun, hasil midin
dapat memenuhi
permintaan p...
ekspor



► Salah seorang penceramah Jabatan Pertanian Sarawak



► YB Dato' Sri Doris Sophia ketika menyampaikan ucapan perasmian



► Penyampaian cenderamata kepada YB Dato' Sri Doris Sophis oleh Puan Siti Maimunah Jerni, Pengarah IKMa Zon Sarawak

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sarawak telah menganjurkan Program Promosi Turun Padang JOM@COOP Mempromosi Latihan dan Pendidikan Koperasi 2025 di Bahagian Sri Aman

pada 10 April 2025 bertempat di Hotel Seri Simanggang. Seramai 112 orang peserta yang terdiri daripada anggota lembaga koperasi, anggota koperasi dan kakitangan koperasi serta masyarakat yang berminat dari seluruh kawasan sekitar Sri Aman, Betong, dan lain-lain turut hadir.

Antara pengisian program ini adalah perkongsian tentang “Paku Midin: Jana Pendapatan Lumayan” yang telah dikongsikan oleh pihak Jabatan Pertanian Sarawak. Paku midin merupakan salah satu sayuran tradisional yang popular di Sarawak. Secara amnya, wujud perbezaan variasi pada peringkat penggunaan pucuk midin ini yang menunjukkan kepelbagaian budaya masyarakat setempat. Dalam ceramah

ini telah dikongsikan tentang teori dan demonstrasi penanaman midin secara efektif serta mengenai pengendalian produk selepas tuai midin yang mana telah memberi manfaat kepada peserta dengan mendapat info dan ilmu dalam usaha menjana sosioekonomi melalui penanaman midin secara komersial.

YB Dato' Sri Doris Sophia, Ahli Parlimen Sri Aman telah menyempurnakan majlis perasmian penutupan program tersebut. Dalam ucapan beliau menyatakan tidak mustahil Sri Aman boleh menjadi pusat pengeluaran Paku Midin secara komersial satu hari kelak dan beliau berharap ada dalam kalangan koperasi dan usahawan yang hadir ke program ini yang boleh menjadikan perkara ini satu realiti.

CSR IKMa Zon Sabah Bukti Keprihatinan Terhadap Komuniti

Ridzuan Saudi

ridzuan@ikma.edu.my
IKMa Zon Sabah



► Perkongsian Pengalaman Kisah Kejayaan Koperasi oleh Pengerusi Koperasi Kraf Batu Lunguyan Sook Berhad

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sabah telah berjaya melaksanakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) sempena Program JOM@COOP 2025 bagi Wilayah Beaufort, yang berlangsung pada 10 April 2025 bertempat di Dewan Perpaduan DHRM, Kampung Lago, Beaufort. Program CSR ini memberi tumpuan khusus kepada golongan asnaf dari kawasan Mukim Suasa, Beaufort, sebagai usaha menyantuni komuniti setempat yang berpendapatan rendah dan memerlukan bantuan.

Sebanyak 20 bakul makanan yang mengandungi barangan keperluan asas seperti beras, minyak masak, gula, tepung, dan makanan kering telah disumbangkan kepada penerima daripada golongan asnaf yang telah dikenal pasti



► Penyerahan sumbangan bakul makanan kepada penerima asnaf oleh YB Datuk Haji Ruslan Muharam

melalui kerjasama dengan pemimpin komuniti setempat. Inisiatif ini bertujuan membantu meringankan beban hidup mereka, di samping menyemarakkan nilai kepedulian sosial dalam kalangan warga koperasi.

Pelaksanaan program ini menyerlahkan komitmen koperasi terhadap Prinsip ke-7 iaitu “Prihatin terhadap Komuniti”, dan memberi impak positif dari pelbagai sudut seperti: menangani tekanan kos sara hidup dalam kalangan asnaf, memperkukuh hubungan IKMa Sabah dengan masyarakat setempat, membina kepercayaan dan solidariti sosial, serta meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap peranan sosial koperasi sebagai agen pembangunan seimbang.

Program CSR ini merupakan sebahagian daripada Program JOM@COOP 2025, yang telah dirasmikan oleh YB Datuk Haji Ruslan Muharam, Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Sabah (Hal Ehwal Agama) merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Lumadan. Secara keseluruhan, program ini bertujuan memperkasa pengetahuan dan jaringan koperator serta meningkatkan kefahaman masyarakat umum terhadap peranan penting koperasi dalam pembangunan sosioekonomi negara.



► Sesi bergambar beramai-ramai Program JOM@COOP Beaufort 2025

Sepanjang program, peserta telah mengikuti empat sesi ceramah yang disampaikan oleh wakil IKMa Sabah, Maxis Sabah, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia dan Koperasi Kraf Batu Lunguyan Sook Berhad. Ceramah merangkumi taklimat latihan IKMa 2025, Geran Digital PMKS Madani, perkongsian kejayaan koperasi luar bandar, serta pengurusan bencana banjir. Program ini turut disokong oleh pelbagai agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) serta rakan kerjasama daripada sektor swasta dan koperasi. Beberapa ruang pameran turut disediakan bagi memperkenalkan peranan agensi seperti IKMa, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia, ANGKASA dan Maxis kepada pengunjung.

Secara keseluruhannya, program JOM@COOP 2025 bersama inisiatif CSR ini memperlihatkan peranan koperasi sebagai agen perubahan sosial yang inklusif, bertanggungjawab dan berasaskan nilai. IKMa Sabah membuktikan bahawa pembangunan ilmu koperasi harus seiring dengan pembudayaan nilai kemanusiaan, khususnya dalam membantu golongan asnaf dan komuniti yang memerlukan.

Menoktahkan Kemiskinan Melalui *Model Perniagaan Koperasi*

Mohamad Alzaery Abdul

alzaery@ikma.edu.my

IKMa Zon Sabah (Cawangan Tawau)



► Ucapan perasmian oleh YBhg. Datuk Basari Sarkun



► Taklimat bicara ilmu oleh Puan Sri Datin Seri Noraesyah



► Perkongsian pengalaman Pengerusi KOPEL

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Cawangan Tawau telah menganjurkan satu program Bicara Ilmu bertajuk “Menoktahkan Kemiskinan Melalui Model Perniagaan Koperasi” yang dihadiri oleh 135 orang peserta terdiri daripada koperator, usahawan dan masyarakat setempat.

Sesi ini menampilkan Puan Sri Datin Seri Noraesyah Saari, Pengarah Kanan Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan IKMa, yang berkongsi pelbagai kisah kejayaan koperasi luar bandar dalam mencipta peluang pekerjaan serta meningkatkan pendapatan anggota – bukan sahaja di peringkat tempatan, malah antarabangsa. Perkongsian ini telah berjaya menyuntik semangat baharu dalam kalangan peserta untuk

mengorak langkah lebih berdaya saing dan terancang dalam perniagaan koperasi.

Program turut diserikan dengan perkongsian inspirasi daripada Koperasi Pelancongan Mukim Batu Puteh Kinabatangan Berhad (KOPEL) melalui slot bertajuk “Koperasi Berkoperasi dari Zero to Hero”, yang disampaikan oleh pengerusinya, Tuan Abd Sanih Nasri. Beliau berkongsi model kejayaan KOPEL yang berjaya meraih pengiktirafan Best Tourism Villages 2021 oleh UNWTO di Madrid, Sepanyol. Kisah ini menjadi bukti bahawa kejayaan mampu dicipta oleh insan biasa dengan usaha luar biasa.

Selain itu, peserta turut didedahkan dengan taklimat Program Latihan IKMa

Tahun 2025 serta slot khas bertajuk “Digitalisasi Pemangkin Pertumbuhan Koperasi” yang dikendalikan oleh pegawai latihan kanan IKMa, bagi memastikan koperasi tidak ketinggalan dalam arus transformasi teknologi.

Program diakhiri dengan sesi Forum Agensi yang memberi ruang interaksi dua hala antara peserta dan wakil agensi seperti Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS). Forum ini dipengerusikan oleh Encik Mohamad Rasydi Abdul Rashid, Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan dan Perundingan IKMa.

Majlis penutupan telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Basari Sarkun, Ahli



► Sesi gambar kenangan bersama YBhg. Datuk Basari

Lembaga Pengarah IKMa, yang turut menyampaikan hadiah cabutan bertuah kepada tiga peserta bertuah sebagai tanda penghargaan.

Jelajah JOM@COOP Zon Sabah – IKMa Cawangan Tawau

Program bicara ilmu ini merupakan sebahagian daripada Jelajah JOM@COOP Zon Sabah anjuran IKMa Cawangan Tawau, yang melibatkan penganjuran empat program di beberapa lokasi terpilih. Program ini menerima sambutan yang memberangsangkan daripada koperator, usahawan dan komuniti setempat. Butiran program adalah seperti berikut:

- **Lahad Datu** – 08 Februari 2025
Dewan Kg. Bukit Balacon Segama
Peserta : 111 orang
- **Semporna** – 15 Februari 2025
Dewan Kampung Sispan, Pulau Bum Bum
Peserta : 99 orang
- **Tawau** – 08 Mei 2025
Hotel Royale Borneo, Tawau
Peserta : 135 orang
- **Sandakan** – 26 Jun 2025
Pavilion Hotel Sandakan
Peserta : 90 orang



► Penyampaian hadiah kepada pemenang cabutan bertuah

Secara keseluruhannya Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sabah Cawangan Tawau telah menganjurkan sebuah program ilmu yang menampilkan perkongsian kejayaan koperasi luar bandar, termasuk KOPEL yang menerima pengiktirafan antarabangsa, serta sesi dialog bersama agensi pembangunan koperasi. Program ini merupakan sebahagian daripada siri Jelajah JOM@COOP Zon Sabah yang turut berlangsung di Lahad Datu, Semporna, Tawau dan

Sandakan. Setiap lokasi mencatatkan penyertaan lebih daripada 90 orang peserta, mencerminkan sambutan positif daripada masyarakat setempat.

Melalui pengisian seperti digitalisasi koperasi, latihan tahun 2025 dan forum agensi, inisiatif ini mencerminkan komitmen IKMa dalam memperkasakan koperasi sebagai pemacu keusahawanan dan usaha menamatkan kemiskinan di peringkat akar umbi.

Moh Komer Kita Berkoperasi

Nor Fatimah Yahya

norfatimah@ikma.edu.my

IKMa Zon Tengah (Cawangan Ipoh)



► Sesi bergambar bersama VIP dan peserta program



► YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor merasmikan program JOM@COOP 2025 dan bicara ilmu

Program Promosi Turun Padang ke Arah Memperkasa Koperasi (JOM@COOP 2025) telah diadakan pada 04 Februari 2025), bertempat di Bukit Merah Laketown Resort, Taiping, Perak. Program ini telah mendapat sambutan hebat daripada koperasi, operator dan usahawan di seluruh negeri Perak dengan kehadiran seramai 100 orang peserta.

Penganjuran program JOM@COOP merupakan salah satu aktiviti tahunan yang dijalankan oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa) bagi meningkatkan kefahaman komuniti koperasi serta ahli dalam membangunkan ekonomi komuniti mereka, setempat dan seterusnya memberi impak kepada negara. Justeru itu, IKMa Cawangan Ipoh mengambil inisiatif menganjurkan program ini untuk mempromosikan kelebihan dan keistimewaan koperasi kepada masyarakat serta menghebahkan perkhidmatan dan produk yang

ditawarkan KUSKOP, IKMa dan Agensi kepada gerakan koperasi dan secara umumnya kepada masyarakat.

Penganjuran Program JOM@COOP pada tahun ini bertujuan untuk menggalakkan penglibatan masyarakat terutamanya golongan belia untuk bersama-sama menyertai koperasi. Tambahan pula, ia merupakan satu platform bagi IKMa untuk turun padang bertemu dengan masyarakat dan komuniti koperasi bagi memperkenalkan konsep dan manfaat koperasi seterusnya memupuk minat dan kesedaran dalam kalangan belia tentang pentingnya penyertaan aktif dalam koperasi.

Program ini dimulai dengan sesi forum daripada wakil panel IKMa Perak iaitu Puan Nur Faeza Yahya, wakil panel dari SKM Perak iaitu Encik Shahrizan Abdullah dan wakil panel dari ANGKASA Perak iaitu Encik



► Barisan panel bagi sesi forum “Program dan Inisiatif Agensi dalam Memperkasa Kepimpinan Belia dalam Gerakan Koperasi”



► Antara barisan peserta yang hadir



► Podcast OOFAHAM bersama Apit Wan Lebo, Encik Zaib Mat Yunus, dan Encik Faiz Ahmad Yatim

Sharul Baha Abd Rahman berkenaan Program dan Inisiatif Agensi dalam Memperkasa Kepimpinan Belia dalam Gerakan Koperasi. Seterusnya, program ini diteruskan dengan perkongsian daripada wakil koperasi belia iaitu Puan Raihan Shafiqah Ismail dari Koperasi Usahawan Graduan Perak berhad mengenai kepentingan dan kebaikan golongan belia dalam pengurusan dan perniagaan koperasi.

Program ini diserikan dengan perkongsian ilmu mengenai pemasaran produk melalui pendigitalan seperti

media sosial daripada Encik Roshafiez Abd Hamid yang dikenali sebagai “Apit Wan Lebo” dan merupakan Selebriti Usahawan Perak yang mempunyai ramai pengikut di media sosial. Seterusnya, program ini diteruskan dengan sesi taklimat mengenai program digitalisasi IKMa yang telah disampaikan oleh Encik Faiz Ahmad Yatim, Pengarah Unit Pembangunan Modal Insan dan Transformasi Digital, IKMa.

Perasmian program ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk

Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa. Semasa ucapan perasmian, YBhg. Datuk Mohd Ali turut menyatakan statistik koperasi di negeri Perak. Beliau memaklumkan bahawa statistik interim 2023 (sumber, SKM) Perak merupakan negeri yang ke-3 tertinggi dengan bilangan koperasi iaitu 1,734 buah koperasi dengan jumlah keanggotaan seramai 356,685 dan secara keseluruhan statistik gerakan koperasi di Malaysia adalah 15,809 buah koperasi. Beliau juga mengucapkan syabas dan tahniah kerana di Malaysia, sejumlah 208 buah koperasi belia yang berdaftar iaitu 1.31 peratus daripada jumlah keseluruhan 15,809 buah koperasi yang berdaftar di Malaysia, dengan 100 peratus dimiliki oleh belia dengan jumlah keahlian 89,544 orang dan perolehan koperasi sejumlah RM41.22 juta.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang baik daripada gerakan koperasi. Program ini dapat membantu koperator untuk meninjau peluang untuk terus meneroka peluang pekerjaan dan pasaran baharu melalui sektor selain daripada sektor yang telah diceburi dan seterusnya menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sosioekonomi anggota serta menggalakkan golongan belia dalam menceburi koperasi.

Jatuh Bangun Koperasi

Nur Shuhada Hj. Mohd Ali
 nurshuhada@ikma.edu.my
 IKMa Zon Tengah



► Peserta yang memeriahkan Program JOM@COOP



► YBhg. Datuk Baharom Embi dalam ucapan perasmian program JOM@COOP

Program Turun Padang JOM@COOP Mempromosi Latihan dan Pendidikan Koperasi 2025 Stesen Nilai telah diadakan pada 06 Februari 2025 di Dewan Besar Masjid Putra Nilai, Negeri Sembilan. Stesen ini merupakan destinasi pertama bagi program JOM@COOP, anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Tengah. Seramai 110 orang peserta yang hadir dalam kalangan lembaga koperasi (ALK), kakitangan pengurusan dan anggota koperasi di Negeri Sembilan dan kawasan sekitarnya. Turut hadir bersama kakitangan jabatan dan agensi kerajaan di sekitar Negeri Sembilan.

Program JOM@COOP ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap peranan koperasi dalam membangunkan ekonomi komuniti dan negara serta mempromosikan dan menghebahkan perkhidmatan dan produk yang ditawarkan oleh KUSKOP, SKM, IKMa dan agensi berkaitan koperasi. Program ini melibatkan sesi taklimat untuk memperkenalkan latihan dan pendidikan koperasi yang dianjurkan oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa) secara keseluruhannya yang telah disampaikan oleh Encik Shamsul Khairi Abu Hasan, Pengarah IKMa Zon Tengah. Selain itu, sesi taklimat bersama



► Perasmi dan tetamu jemputan bersama urus setia



► Penceramah program JOM@COOP



Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) disampaikan oleh Encik Mohd Shafiq Mohamad Jaapar, Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Perniagaan Koperasi, SKM Cawangan Negeri Sembilan.

Program ini juga diselitkan dengan sesi bicara ilmu "Jatuh Bangun Koperasi" yang menampilkan YBhg. Dato Haji Abdullah Haji Abas, Pengerusi Koperasi Permodalan dan Perusahaan Melayu Negeri Sembilan Berhad serta sesi perkongsian koperasi oleh Encik Hamdan Ikram, Pengerusi Koperasi Kolej Uniti Port Dickson Berhad selaku penceramah jemputan.



► Penceramah program bicara ilmu

Majlis perasmian program JOM@COOP 2025 telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Baharom Embi, Ahli Lembaga Pengarah IKMa. Secara keseluruhannya, program ini mendapat kerjasama dan maklum balas yang positif daripada agensi dan semua peserta yang terlibat. Pendedahan dan perkongsian koperasi yang pernah jatuh dan bangun semula ini dapat memberi suntikan semangat kepada koperasi lain khususnya koperasi di Negeri Sembilan.

JOM@COOP 2025

Ketengahkan "CoopBif" Jejak Berliku

Norfaezah Mahmood
norfaezah@ikma.edu.my
IKMa Zon Tengah



► Sesi bergambar bersama peserta program



► Taklimat oleh Puan Roshidah Abu Bakar dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)

Program Turun Padang Jom@Coop Mempromosi Latihan dan Pendidikan Koperasi 2025 Zon Tengah telah diadakan pada 12 Februari 2025 di Tamu Hotel & Suites Kuala Lumpur. Kuala Lumpur merupakan destinasi kedua bagi program JOM@COOP, anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Tengah. Seramai 100 orang peserta telah hadir semasa program ini berlangsung di kalangan lembaga koperasi (ALK), kakitangan pengurusan dan anggota koperasi di kawasan Kuala Lumpur dan sekitarnya. Turut hadir memeriahkan program Encik Azizul Alias, Setiausaha Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa dan Puan Hamidah Mohd Jos, Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan IKMa.

Program Turun Padang JOM@COOP Mempromosi Latihan dan Pendidikan Koperasi 2025 yang diadakan pada tahun ini bertujuan untuk meningkatkan

kefahaman komuniti koperasi serta ahli dalam membangunkan ekonomi komuniti mereka, setempat dan seterusnya memberi impak kepada negara. Di samping itu, program ini juga memperkenalkan latihan dan pendidikan koperasi yang dianjurkan oleh IKMa secara keseluruhannya dan khususnya kepada IKMa Zon Tengah. Program telah bermula pada pukul 8.00 pagi dan berakhir pada pukul 1 petang dimulai dengan taklimat IKMa yang telah disampaikan oleh Puan Nur Shuhada Mohd Ali, Pegawai Latihan IKMa dan Taklimat Program Digitalisasi IKMa oleh Encik Farez Mahmood, Pegawai Latihan IKMa. Program diteruskan dengan Taklimat Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang disampaikan oleh Puan Roshidah Abu Bakar yang merupakan Pengarah Bahagian Pembiayaan dan Kawalan Kredit dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Manakala sesi bicara ilmu yang sangat berinformasi telah disampaikan oleh Encik Zulkefle Ab Rahim selaku Ketua Pegawai Eksekutif di Koperasi Tenaga Nasional Berhad dan sesi yang terakhir iaitu perkongsian

koperasi disampaikan oleh Tuan Haji Mazri Mahmood selaku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dari Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia. Majlis perasmian penutupan program telah disempurnakan oleh YB Tuan Onn Abu Bakar, Lembaga Pengarah IKMa.

Program ini juga turut diserikan dengan pembukaan ruang reruai daripada SKM, IKMa, UKKM dan Koperasi Anak-anak Bagan Datoh Berhad (KOABAD). Program JOM@COOP 2025 dan Bicara Ilmu yang bertajuk "COOPBif" Jejak Berliku menunjukkan koperator dan usahawan sangat menitikberatkan dan memahami kepentingan aspek pembangunan modal insan dalam pembangunan ekonomi negara. Program ini sememangnya mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan daripada gerakan koperasi dan masyarakat umum. Secara keseluruhannya, IKMa Zon Tengah telah berjaya melaksanakan program ini dengan jayanya. Maklum balas daripada koperator amatlah positif dan mengharapkan program ini akan diteruskan pada masa akan datang.

Cakna COOPBif

Norfaezah Mahmood
norfaezah@ikma.edu.my
IKMa Zon Tengah



Program Turun Padang JOM@COOP Mempromosi Latihan dan Pendidikan Koperasi 2025 Zon Tengah telah diadakan pada 20 Februari 2025 di Bangi Golf Resort, Selangor. Negeri Selangor merupakan destinasi ketiga bagi program JOM@COOP, anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Tengah. Seramai 100 orang peserta telah hadir semasa program ini berlangsung di kalangan anggota lembaga koperasi, kakitangan pengurusan dan anggota koperasi di kawasan Selangor dan sekitarnya. Turut hadir memeriahkan program Encik Dairul Dabang, Penolong Pengarah (Pembangunan/ Pengurusan) Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Selangor dan YBhg. Dato' Hj. Mohd. Alias Hamzah, Pengerusi Perhubungan Angkasa Negeri Selangor.

Program yang diadakan pada tahun ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman komuniti koperasi serta ahli dalam membangunkan ekonomi



► Puan Rafeah Na'man berkongsi aktiviti Koperasi Jabatan Penjara Malaysia Berhad

komuniti mereka, setempat dan seterusnya memberi impak kepada negara. Di samping itu, program ini juga memperkenalkan latihan dan pendidikan koperasi yang bertemakan Cakna "COOPBif". Program bermula pada pukul 8.00 pagi dan berakhir pada pukul 1 petang dimulai dengan taklimat IKMa yang disampaikan oleh Puan Rohalinda Ahad, Timbalan Pengarah

IKMa Zon Tengah dan Taklimat Program Digitalisasi IKMa oleh Puan Intan Nur Azreen Mohamad Radzi, Pegawai Latihan IKMa.

Seterusnya program disambung dengan Taklimat Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang disampaikan oleh Encik Dairul Dabang, Penolong Pengarah (Pembangunan/Pengurusan) Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Selangor yang menyampai Taklimat Pembiayaan Kewangan mengenai Kemudahan Pembiayaan Tabung Modal Pusingan SKM dan Bantuan Pembangunan Koperasi. Acara kemuncak bagi bicara ilmu disampaikan oleh Tuan Haji Mohammed Yusof selaku setiausaha kehormat di Koperasi Serbaguna Anak-anak Selangor Berhad yang berkongsi mengenai sejarah, aktiviti dan tips kejayaan koperasi semasa menjalankan perniagaan. Manakala sesi perkongsian koperasi disampaikan oleh Puan Rafeah Na'man selaku



► YBhg. Dato' Hj. Zazali Haron bersama barisan tetamu kehormat



► Ucapan perasmian oleh YBhg. Dato' Hj. Zazali Haron



► Sesi soal jawab bersama peserta

Pengurus Besar di Koperasi Jabatan Penjara Malaysia Berhad berkongsi mengenai aktiviti yang dijalankan koperasi serta kejayaan koperasi semasa menjalankan perniagaan. Kedua-dua penceramah tersebut telah menyampaikan taklimat selama dua jam semasa program ini berlangsung dan sangat menarik perhatian dengan sesi soal jawab daripada para peserta. Majlis perasmian penutup program telah disempurnakan YBhg. Dato' Hj. Zazali Haron yang merupakan Lembaga

Pengarah IKMa. Selain itu, program ini juga diserikan dengan pembukaan ruang ruai daripada ANGKASA, IKMa dan Koperasi Pasaraya Malaysia Berhad.

Program ini menunjukkan koperator dan usahawan sangat menitikberatkan dan memahami kepentingan aspek pembangunan modal insan dalam pembangunan ekonomi negara dari semua aspek terutamanya "COOPBif". Program ini sememangnya mendapat sambutan yang sangat

memberangsangkan daripada gerakan koperasi dan masyarakat umum supaya koperasi terutamanya Cakna terhadap "COOPBif" semasa menjalankan aktiviti koperasi dan seterusnya mendapat ilmu pengetahuan dan input-input daripada program ini. Secara keseluruhannya, IKMa Zon Tengah telah berjaya melaksanakan program ini dengan jayanya. Maklum balas daripada koperator amatlah positif dan mengharapakan program ini akan diteruskan pada masa akan datang.

Membina Kekuatan Koperasi dari Akar Umbi

Rohalinda Ahad
 rohalinda@ikma.edu.my
 IKMa Zon Tengah



► Peserta program JOM@COOP Kuala Selangor

Program Turun Padang JOM@COOP Mempromosi Latihan dan Pendidikan Koperasi 2025, Stesen Kuala Selangor telah berlangsung pada 25 Februari 2025 bertempat di De Palma Resort, Kuala Selangor. Stesen ini merupakan destinasi keempat daripada enam lokasi yang dijadualkan dalam siri Program JOM@COOP anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Tengah.

Program ini berjaya menarik penyertaan seramai 120 orang peserta yang terdiri daripada anggota lembaga koperasi (ALK), kakitangan pengurusan serta anggota koperasi di sekitar Kuala Selangor dan kawasan berhampiran.



► Tetamu VIP semasa sesi perasmian program

Turut hadir ialah pegawai daripada jabatan dan agensi kerajaan tempatan.

Program JOM@COOP ini dianjurkan dengan matlamat untuk meningkatkan

kefahaman masyarakat terhadap peranan koperasi dalam memacu pembangunan ekonomi komuniti dan negara, di samping mempromosikan perkhidmatan dan produk yang ditawarkan oleh



► Majlis penutupan program telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah



► Sesi taklimat oleh Puan Norfaezah Mahmood



► Sesi taklimat oleh Encik Muhammad Anas Nasrudin

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), IKMa dan agensi berkaitan. Sepanjang program ini, peserta didedahkan kepada sesi taklimat yang memperkenalkan pelbagai peluang latihan dan pendidikan koperasi yang ditawarkan oleh IKMa.

Program dimulakan dengan taklimat yang disampaikan oleh Puan Norfaezah Mahmood, Pegawai Latihan IKMa Zon Tengah. Taklimat ini bertujuan memperluas pendedahan dan pemahaman masyarakat, khususnya dalam kalangan gerakan koperasi, tentang peranan IKMa dalam membangunkan modal insan koperasi demi kesejahteraan dan kemajuan ekonomi negara. Selain itu, IKMa turut memaklumkan perancangan program-program bersasar dan berfokus yang akan dilaksanakan sepanjang tahun 2025 di ibu pejabat, zon dan cawangan IKMa di seluruh negara.

Sesi taklimat diteruskan dengan taklimat dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang berkongsi tentang peranan SKM mengenai aspek kawal selia dan pembangunan koperasi. Taklimat ini disampaikan oleh Encik Muhammad Anas Nasrudin, Penolong Pengarah



► Sesi soal jawab bersama peserta koperasi

SKM Wilayah Sabak Bernam/Kuala Selangor.

Bagi menyuntik inspirasi kepada peserta, IKMa Zon Tengah telah mengundang YBhg. Dato' Mohammad Syukri Ismail, Pengurus Besar Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad (KOHJRAH Selangor) untuk berkongsi pengalaman beliau dalam membangunkan koperasi. Beliau turut mengetengahkan manfaat yang diperoleh melalui penyertaan dalam program-program latihan dan

bimbingan IKMa yang telah membantu memperkukuhkan pengurusan dan pentadbiran koperasi mereka.

Majlis penutupan program telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah, Ahli Lembaga Pengarah Institut Koperasi Malaysia. Secara keseluruhan, kejayaan penganjuran Program JOM@COOP jelas terserlah melalui sambutan memberangsangkan daripada para koperator. Hal ini membuktikan bahawa koperator di negara ini amat menghargai dan memahami kepentingan pembangunan modal insan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Maklum balas yang diterima daripada peserta juga amat positif, khususnya berkaitan pengisian program yang berinformasi dan bermanfaat dalam memperkasa pengurusan serta perniagaan koperasi. Sebagai penganjur, IKMa Zon Tengah amat menghargai sokongan padu yang ditunjukkan oleh para koperator, sekali gus memperkukuh iltizam IKMa untuk terus berkhidmat demi kemajuan gerakan koperasi dan kesejahteraan masyarakat keseluruhannya.

IKMa Zon Tengah Jayakan Program JOM@COOP di Kuala Pilah

Nur Shuhada Hj. Mohd Ali
 nurshuhada@ikma.edu.my
 IKMa Zon Tengah

Program Turun Padang JOM@COOP Mempromosi Latihan dan Pendidikan Koperasi 2025 Stesen Kuala Pilah telah diadakan pada 17 April 2025 di Dewan Koperasi Homestay Lonek Jempol Berhad, Negeri Sembilan. Stesen ini merupakan destinasi kelima bagi Program JOM@COOP, anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Tengah. Seramai 84 orang peserta dalam kalangan anggota lembaga koperasi (ALK), kakitangan pengurusan dan anggota koperasi di negeri Sembilan dan kawasan sekitarnya. Turut hadir ialah kakitangan jabatan dan agensi kerajaan di sekitar negeri Sembilan.

Program JOM@COOP ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap peranan koperasi dalam membangunkan ekonomi komuniti dan negara serta mempromosikan dan menghebahkan perkhidmatan dan produk yang ditawarkan oleh KUSKOP, IKMa dan agensi berkaitan koperasi.

Program ini melibatkan sesi taklimat bagi memperkenalkan latihan dan pendidikan koperasi yang dianjurkan oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa) secara keseluruhannya yang disampaikan oleh Puan Rohalinda Ahad, Timbalan Pengarah IKMa Zon Tengah. Selain itu, sesi taklimat bersama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) disampaikan oleh Encik Mohd Shafiq Mohamad Jaapar, Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Perniagaan Koperasi, SKM Cawangan Negeri Sembilan. Program ini juga diselitkan dengan sesi perkongsian koperasi oleh



► Sebahagian peserta program JOM@COOP



► Penceramah program JOM@COOP

Encik Mohd Faiz Mohd Zin, Pengerusi Koperasi Homestay Lonek Jempol Berhad selaku penceramah jemputan.

Majlis perasmian Program JOM@COOP 2025 telah disempurnakan oleh Encik Shamsul Khairi Abu Hassan, Pengarah IKMa Zon Tengah. Secara keseluruhannya, program ini mendapat kerjasama dan maklum balas yang positif daripada agensi dan semua peserta yang terlibat khususnya koperasi di Negeri Sembilan.



► Barisan urus setia yang menjayakan program

E-invois: Pengenalan dan Mekanisme Pelaksanaan

Muhammad Arif Hakimi Md Salleh

arifhakimi@ikma.edu.my

IKMa Zon Timur (Cawangan Kuala Terengganu)



Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Timur, Cawangan Kuala Terengganu telah mengadakan Program Turun Padang JOM@COOP yang diadakan di Raia Hotel & Convention Centre Terengganu pada 06 Februari 2024. Turut diselitkan dalam program ini ialah program bicara ilmu bertajuk E-invois: Pengenalan dan Mekanisme Pelaksanaan. Program ini berjaya menarik minat 166 orang koperator dari seluruh Terengganu yang terdiri daripada barisan kepimpinan dan anggota-anggota koperasi. Selain koperator, turut hadir pegawai daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Wilayah dan Negeri Terengganu. Program JOM@COOP & bicara ilmu kali ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Wira (Dr.) Rosli Mat Hassan.

Melalui program bicara ilmu kali ini, ia turut menekankan kepentingan



► Ucapan perasmian oleh YBhg. Datuk Wira (Dr.) Rosli Mat Hassan

pemahaman dan pelaksanaan e-invois dalam koperasi. Hal ini amat signifikan kerana pelaksanaan e-invois akan diwajibkan bermula Januari 2026, menjadikannya satu keperluan bagi setiap koperasi untuk mengaplikasikan perubahan ini. Bagi memastikan

peserta mendapat maklumat yang tepat dan komprehensif, IKMa Zon Timur, Cawangan Kuala Terengganu berkolaborasi dengan menjemput Encik Syahril Mohamed Salleh, Pengarah Operasi Negeri, Seksyen Audit Cukai, Lembaga Hasil Dalam



► Barisan tetamu yang turut hadir



► Sesi perkongsian oleh Encik Mohd Afif Abdul Rahman.



► Sesi perkongsian oleh Encik Syahril Mohamed Salleh

Negeri Malaysia (LHDNM) Terengganu, sebagai penceramah jemputan. Beliau berkongsi pengetahuan mengenai sistem e-invois, mekanisme pelaksanaan serta langkah-langkah yang perlu diambil oleh koperasi. Pembentangan beliau bukan sahaja memberi pemahaman yang lebih mendalam mengenai konsep dan kepentingan e-invois, tetapi juga berfungsi sebagai panduan praktikal kepada anggota koperasi dalam melaksanakan sistem ini dengan lebih teratur dan berkesan.

Program diteruskan dengan taklimat oleh Ketua Pengurusan Kekayaan, Encik Mohammad Fadzli Mohammad Hashim daripada Co-opbank Pertama, Ibu Pejabat, Kuala Lumpur berkaitan Pengurusan Kewangan. Selain itu, reruai pempamer juga dibuka dan telah disertai oleh Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Nerus, Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM), Koperasi Rukun Tetangga Telaga Batin Terengganu Berhad, Co-opbank Pertama Berhad dan

Asset Management Consultancy Sdn Bhd. Secara keseluruhannya, program Bicara Ilmu pada kali ini berjaya membuka minda para koperator tentang kepentingan pelaksanaan e-invois dalam koperasi. Majlis perasmian penutupan dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Puan Haslinda Sujak, Pengarah IKMa Zon Timur dan telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Wira (Dr.) Rosli Mat Hassan yang dalam ucapannya menekankan kepentingan pelaksanaan e-invois dalam memperkasakan koperasi masing-masing.

Bicara Emas & Niaga di JOM@COOP

Kota Bharu

Nur Hafieza Hashim

hafieza@ikma.edu.my
IKMa Zon Timur



► Ucapan perasmian oleh Encik Azizul Alias



► Sesi bergambar bersama para peserta yang hadir



► Cik Norhazilina Abdul Halim (moderator) bersama Koperasi Rakyat Kelantan Berhad dalam sesi podcast

Program Promosi Turun Padang ke Arah Memperkasa Koperasi (Jom@Coop) 2025 telah diadakan pada 25 Februari 2025 di Hotel H-Elite Design, Kota Bharu. Kota Bharu merupakan edisi ketiga bagi program JOM@COOP 2025 anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Timur. Seramai 89 orang peserta dalam kalangan anggota lembaga koperasi (ALK), kakitangan pengurusan dan anggota koperasi di kawasan sekitar Kota Bharu, Kelantan telah menghadiri program tersebut.

Program JOM@COOP yang diadakan pada setiap awal tahun bertujuan untuk memberi pendedahan dan meningkatkan kefahaman peserta yang hadir tentang



► Encik Abdul Shukor Anuar seorang yang sangat arif dan berpengalaman dalam industri emas di Malaysia



► Encik Azizul Alias berkesempatan melawat reruai KAB Gold yang menawarkan jual beli emas dan perak fizikal berlandaskan syariah

gerakan koperasi dan peranan IKMa dalam membangunkan modal insan gerakan koperasi di Malaysia. Dalam program ini, telah diadakan satu sesi taklimat IKMa untuk hebahan kursus-kursus dan program-program bersasar

IKMa secara keseluruhannya dan IKMa Zon Timur khususnya bagi tahun 2025. Selain itu, sesi podcast oofaham bersama koperator dan perasmi program JOM@COOP edisi Kota Bharu juga turut dilaksanakan.

Dalam program ini juga turut diadakan slot bicara ilmu. IKMa Zon Timur telah menjemput penceramah yang arif dan sangat berpengalaman dalam industri emas di Malaysia iaitu Encik Abdul Shukor Anuar, Pengarah Urusan KL Assay Office (M) Sdn. Bhd. Beliau merupakan seorang Certified Assayer atau dikenali sebagai ‘Gabenor Emas’ kerana tandatangan beliau tertera di kebanyakan kad sijil gold bar dan dinar bagi mengesahkan ketulenan dan ketepatan emas adalah benar. Menerusi slot ini, penceramah telah mengupas isu berkaitan emas dan perniagaan emas dari segi produk berasaskan emas, keselamatan dan ketulenan produk serta cabaran dan isu dalam perniagaan emas. Selain itu, penceramah juga banyak berkongsi pengalaman beliau selama 30 tahun berkecimpung dalam industri logam berharga.

Perkongsian selama dua jam ini sedikit sebanyak dapat meningkatkan pengetahuan koperator berkaitan emas dan perniagaan serta dapat dijadikan panduan untuk lebih peka dan terhindar daripada kes penipuan emas. Majlis perasmian program JOM@COOP 2025 edisi Kota Bharu telah disempurnakan oleh Encik Azizul Alias, Anggota Lembaga Pengarah IKMa merangkap Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Puan Noor Azlin Adnan, Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil, KUSKOP, Encik Mohd Zaib Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan IKMa dan Puan Haslinda Sujak, Pengarah IKMa Zon Timur juga turut hadir bersama dalam majlis perasmian.

IKMa Zon Selatan Rancakkan Promosi Latihan dan Pendidikan Koperasi

Nur Yazira Hamsan
nuryazira@ikma.edu.my
IKMa Zon Selatan



► Program JOM@COOP Johor Bahru



► Program JOM@COOP Melaka

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Selatan telah menganjurkan Program Turun Padang JOM@COOP Mempromosi Latihan dan Pendidikan Koperasi 2025 di enam buah lokasi berbeza mengikut kawasan pentadbirannya iaitu di Johor dan Melaka. Program ini bertujuan meningkatkan kefahaman anggota koperasi dalam membangunkan ekonomi komuniti, setempat dan seterusnya memberi impak kepada negara.

Program ini berlangsung di Hotel Grand Swiss-Bel, Melaka pada 6 Februari 2025 dan telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Haji Zazali Haron, Anggota Lembaga Pengarah IKMa. Program dimulakan dengan taklimat promosi program latihan IKMa 2025, diikuti dengan taklimat pengenalan e-Learning platform dan diakhiri dengan segmen bicara ilmu bertajuk 'Jenama Hebat,

Bungkusan Memikat' yang bertujuan memberi kefahaman berkenaan konsep penjenamaan, pembungkusan dan pelabelan serta mempelajari kaedah pemilihan jenama kepada anggota koperasi oleh Encik Mohd Ariff Wahid, Perunding Latihan dari Thinking People Training and Consultancy.

Program JOM@COOP seterusnya diadakan pada 13 Februari 2025 di lokasi kedua iaitu di Hotel Holiday Villa, Johor Bahru. Program ini telah dirasmikan oleh Encik Mohamad Rasydi Abd Rashid, Pengarah Kanan (Bahagian Pembangunan dan Perundingan Koperasi), IKMa. Bicara ilmu bertajuk 'Dunia AI: Peluang dan Cabaran Era Baharu' turut diselitkan bagi mengisi slot dalam program JOM@COOP kali ini bertujuan memberi kefahaman berkenaan AI, penggunaan peralatan AI dalam pengurusan, serta memberi kesedaran

berkenaan cabaran dan persediaan untuk mengadaptasi AI dalam koperasi oleh Coach Mohammad Hadi Mohd Salleh, Jurulatih Bertauliah HRDC. Selain itu, taklimat khas Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) juga menghiasi slot dalam program ini.

Lokasi ketiga adalah di Hotel Muar Traders, Muar, Johor yang dijalankan pada 27 Februari 2025 dan dirasmikan oleh Encik Mohd Zaib Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah, Pembangunan Modal Insan (TKPPMI), IKMa. Program dimulakan dengan taklimat promosi program latihan IKMa 2025, diikuti slot forum peranan agensi yang melibatkan IKMa, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) bertujuan menyampaikan maklumat bermanfaat, termasuk peluang serta program yang ditawarkan oleh



► Program JOM@COOP Muar



► Program JOM@COOP Segamat



► Program JOM@COOP Kota Tinggi



► Program JOM@COOP Batu Pahat

agensi bagi pembangunan koperasi. Program diakhiri dengan perkongsian pengalaman Koperasi Keluarga Haji Sharief Melaka Berhad (KOP-KHAS) mengenai aktiviti penternakan ayam kampung kakuk.

Bagi tiga lokasi terakhir, atur cara Program JOM@COOP Zon Selatan adalah seragam, dimulakan dengan taklimat promosi program latihan IKMa 2025, diikuti taklimat oleh SKM dan ANGKASA, dan diakhiri dengan perkongsian pengalaman koperasi oleh wakil koperasi terpilih. Program ini telah dilaksanakan di tiga lokasi utama iaitu:

- Hotel Mayres, Kota Tinggi pada 15 April 2025
- Hotel VIP, Segamat pada 6 Mei 2025
- Hotel Katerina, Batu Pahat pada 22 Mei 2025

Lokasi terakhir di Batu Pahat turut menjadi medan bagi Majlis Penutup Program JOM@COOP IKMa Zon Selatan, yang telah dirasmikan oleh YB Tuan Onn Abu Bakar, Pengerusi Lembaga Pengarah IKMa.

Selain itu, bagi setiap lokasi program turut diserikan dengan pembukaan ruang reruai dari agensi dan koperasi seperti SKM, ANGKASA, Maxis, Koperasi Wanita Jasin Berhad, Koperasi Gabungan Masjid-masjid Negeri Melaka Berhad (KOGMAS), Koperasi Wanita Seri Johor Berhad, Koperasi Haos Gemilang Berhad, Koperasi Johar Rugayah Rengit Batu Pahat Berhad, dan Koperasi Pembangunan Mualaf Johor Berhad.

Melalui pelaksanaan program ini, anggota koperasi dapat memahami dan menyedari bahawa pembangunan ekonomi setempat melalui koperasi dapat dipertingkatkan melalui bantuan agensi yang terlibat, sekali gus memberi impak yang signifikan dalam meningkatkan keberkesanan operasi koperasi di peringkat komuniti. Selain itu, program ini juga dapat memperkasa anggota koperasi dengan kemahiran dan pengetahuan terkini dalam bidang penjenamaan, pembungkusan, dan pelabelan produk serta kefahaman dunia AI yang merupakan aspek penting dalam memajukan sektor koperasi. Secara keseluruhannya, pelaksanaan program ini mendapat sambutan dan sokongan daripada koperator dan agensi terlibat.

Memimpin dan Dipimpin: Strategi dan Realiti Koperasi

Nur Syamimi Othman
nursyamimi@ikma.edu.my
IKMa Zon Utara



► Dif-dif kehormat merakamkan gambar kenangan bersama para peserta



► Ucapan alu-aluan oleh Puan Hajah Yusnita Othman

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Utara telah menganjurkan Program Turun Padang JOM@COOP Mempromosikan Latihan Pendidikan Koperasi 2025 dan bicara ilmu bertajuk “Memimpin dan Dipimpin: Strategi dan Realiti Koperasi” pada 13 Februari 2025. Bertempat di Bertam Resort Kepala Batas, Pulau Pinang, program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Mohd. Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa. Program ini adalah sebahagian daripada inisiatif tahunan IKMa bagi menyebarkan maklumat berkaitan koperasi kepada masyarakat serta menggalakkan penglibatan aktif komuniti dalam pembangunan ekonomi setempat. Antara matlamat utama penganjuran ialah memupuk kesedaran terhadap peranan koperasi serta memperkenalkan pelbagai kemudahan, produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh KUSKOP, IKMa dan agensi-agensi berkaitan.

Program dimulakan seawal pukul 8.00 pagi dengan pendaftaran peserta dan minum pagi, sebelum diteruskan dengan sesi taklimat program. Antara pembentang yang terlibat mengikut sesi

berkaitan termasuklah Puan Norafidah Ismail @ Yaacob, Timbalan Pengarah IKMa Zon Utara yang menyampaikan taklimat mengenai Program Latihan IKMa untuk tahun 2025. Seterusnya, Puan Nor Azlina Kassim, Pegawai Latihan Kanan dari Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi IKMa menerusi pembentangan beliau mengenai manfaat platform e-Learning sebagai saluran pembelajaran digital untuk koperasi.

Taklimat turut disampaikan oleh Prof. Dr. Mohd Haizam Mohd Saudi dari Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) yang menjelaskan peranan institusi tersebut dalam memperkukuh sistem pendidikan koperasi di negara ini. Satu sesi perkongsian turut diadakan melibatkan Koperasi IKBN Bukit Mertajam Berhad yang diwakili oleh Pengerusinya, Encik Hashim Ahmad. Beliau berkongsi mengenai manfaat yang diterima oleh koperasi melalui latihan dan bimbingan yang disediakan oleh pihak IKMa. Kemuncak program adalah sesi bicara ilmu yang melibatkan Tuan

Haji Zainuddin Ali dari ZDIN Training & Consultancy selaku penceramah utama. Beliau mengupas topik berkaitan cabaran kepimpinan dalam koperasi dan strategi yang perlu dilaksanakan bagi memastikan tadbir urus yang berkesan dan mampan.

Majlis penutupan disempurnakan dengan ucapan alu-aluan oleh Puan Hajah Yusnita Othman, Pengarah IKMa Zon Utara dengan diikuti ucapan perasmian penutup yang disampaikan oleh YBhg. Datuk Mohd. Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa. Program ini melabuhkan tirainya pada pukul 1.00 tengah hari dengan penyertaan seramai 105 peserta daripada 43 buah koperasi, agensi serta usahawan individu. Program ini turut dimeriahkan dengan 10 reruai pameran yang mempamerkan produk dan perkhidmatan berkaitan koperasi. Secara keseluruhan, penganjuran ini dilihat berjaya mencapai objektif dalam mempromosikan pendidikan koperasi serta memperkukuh jaringan kerjasama antara koperasi-koperasi di utara tanah air.

CEO Talk: Inspirasi Kepimpinan Koperasi

Nazirah Baharudin
nazirah@ikma.edu.my
Pusat Perundangan Koperasi



Tan Sri Dato' Sri Haji Syed Zainal Abidin memukau audiens dengan sesi perkongsian yang begitu menarik



Barisan tetamu dan peserta program merakamkan gambar kenangan bersama para peserta

Program *CEO Talk* yang bertajuk *Inspirasi Kepimpinan Koperasi* telah diadakan pada 27 Mei 2025 bertempat di Hotel Dorsett, Putrajaya. Program ini bertujuan untuk berkongsi pengetahuan bagi meningkatkan kefahaman tentang peranan pemimpin dalam koperasi dan menginspirasi pemimpin masa hadapan koperasi serta membentuk pemimpin koperasi yang berdaya saing, berinovasi dan berdaya maju.

Program ini telah dihadiri seramai 209 orang peserta dalam kalangan koperator dan agensi di seluruh Lembah Klang. Seorang penceramah yang tidak asing lagi dalam dunia korporat Malaysia dijemput untuk berkongsi pengalaman iaitu YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir. Beliau pernah menerajui pelbagai syarikat gergasi termasuk Proton, Petronas Dagang Berhad dan kini sebagai pengerusi Dagang Nexchange Berhad (DNEX). Dikenali sebagai pemimpin yang rendah diri tetapi berprinsip tinggi, beliau sering menekankan nilai ketelusan, kepimpinan berasaskan nilai (*value-driven leadership*) dan keberanian untuk berubah.

Seterusnya, majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKMa). Program ini juga dimeriahkan lagi dengan pembukaan tiga reruai. Antaranya, ialah TTT Bullion (M) Sdn Bhd, syarikat pelaburan emas dan pembekal emas fizikal terkemuka. Seterusnya, Koperasi Pos Nasional Berhad dengan pengenalan KiGA (KOPONAS Islamic GOLD ACCOUNT) simpanan emas digital dan diikuti Koperasi Pembangunan Daerah Petaling Berhad dengan produk makanan.

Secara keseluruhannya, program ini berjalan dengan lancar dengan sambutan yang sangat menggalakkan daripada peserta yang hadir. Melalui sesi *CEO Talk* ini bukan sahaja membuka mata, malah menyentuh hati para peserta yang hadir. Ia membakar semangat untuk menjadi pemimpin koperasi yang bukan sahaja untuk manfaat entiti tersebut malah pemacu perubahan kepada masyarakat. Perkongsian beliau yang paling memberi kesan:



Sesi soal jawab bersama peserta

“Sebagai seorang pemimpin, kita mesti berani membuat keputusan. Apabila istikharah telah dilakukan, pandangan para alim ulama dan nasihat ibu bapa telah diambil kira, maka melangkah dengan yakin. Sekalipun keputusan itu membawa kita melalui jalan yang sukar, percayalah – jika niatnya benar, Allah pasti akan mempermudahkannya”
(Dato' Dr. Haji Mohd Fadzilah Kamsah)

Semoga segala ilmu, inspirasi dan semangat yang dikongsi oleh YBhg. Tan Sri Syed Zainal menjadi pemangkin kepada transformasi koperasi yang lebih progresif, inklusif dan mampan.

Seminar Transformasi Digital Koperasi: Ubah atau Rebah

Nor Aslamiah Ali

norasmiah@ikma.edu.my

Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi



Dalam era Revolusi Industri 4.0, pendigitalan telah menjadi satu keperluan utama dalam semua sektor, termasuk sektor koperasi. Koperasi tidak boleh lagi bergantung kepada model operasi tradisional, sebaliknya perlu menyesuaikan diri dengan kemajuan teknologi untuk kekal berdaya saing. Dengan perkembangan pesat dalam bidang kecerdasan buatan (AI), analitik data besar (Big Data), Internet Pelbagai Benda (IoT), pengkomputeran awan dan rantaian blok (Blockchain), koperasi perlu mengambil langkah proaktif untuk memastikan kelangsungan dan daya tahan mereka dalam ekosistem ekonomi digital yang semakin mencabar.

Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi telah menganjurkan seminar bertajuk “Transformasi Digital Koperasi: Ubah atau Rebah” pada 19-20 Mei 2025 di Hotel The Everly, Putrajaya. Tujuan program ini diadakan bagi memberi kefahaman dan kesedaran kepada para pemimpin dan pengurusan koperasi untuk merealisasikan transformasi digital di koperasi. Keperluan transformasi digital penting untuk koperasi terus berdaya saing di era ekonomi digital. Seminar yang dihadiri seramai 175 peserta koperasi ini juga memberi pendedahan berkaitan cabaran utama dalam pelaksanaan digitalisasi koperasi dan mengenal pasti penyelesaian strategik.



► Sesi perkongsian oleh Encik Azmi Zainal

Seminar ini telah dirasmikan bersekali dengan majlis Apresiasi Program Memperkasa Digitalisasi Koperasi oleh YB Tuan Onn Abu Bakar, Pengerusi Lembaga Pengarah IKMa. Beliau menegaskan betapa pentingnya transformasi digital sebagai agenda teras pembangunan koperasi masa kini. Turut hadir di majlis perasmian, YBhg. Dato’ Haji Zazali Haron, YBhg. Datuk Basari Sarkun, YB Tuan Haji Azli Yusof, YBhg. Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah, YBhg. Datuk Baharom Embi yang merupakan Anggota Lembaga Pengarah IKMa, YBhg. Datuk Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa, Encik Mohd Zaib Mat Yunus (Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan IKMa) dan ketua-ketua agensi di bawah KUSKOP.

Sesi pertama membuka tirai wacana dengan kupasan menarik bertajuk “Revolusi Digital dalam Landskap Perniagaan” oleh Encik Abdullah Hidayat Mohamad (Pengarah Social Finance Sdn. Bhd), dengan kupasan menarik bagaimana teknologi telah mengubah wajah perniagaan moden. Beliau menegaskan bahawa koperasi perlu tangkas dan proaktif untuk kekal relevan dalam ekosistem digital. Sesi



► Encik Fizullah Abu Bakar menekankan kepentingan koperasi mempunyai kehadiran digital yang selamat dan boleh dipercayai

kedua membawa tajuk “Pendigitalan Koperasi – Keperluan atau Pilihan?” yang disampaikan oleh YBhg. Datuk Seri Dr. Md Zabid Haji Abdul Rashid (Pengerusi, Koperasi Profesional Wilayah Berhad). Dalam hujahnya, beliau menegaskan bahawa pendigitalan bukan lagi satu pilihan, tetapi satu keperluan mendesak demi kelangsungan dan daya tahan koperasi.

Sesi ketiga pula menampilkan perkongsian pengalaman daripada koperasi yang telah menyertai program CODE (Cooperative Digital Empowerment) yang dianjurkan oleh IKMa. Perkongsian oleh Encik Mohamad Sarif Safian (Pengurus Besar, Koperasi Universiti Islam Antarabangsa Berhad), Puan Hajah Marsitah Othman (Pengerusi, Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Melaka Berhad) dan Encik Adris Abdul (Pengerusi, Koperasi Paya Rumpit Jaya Sungai Udang Melaka Berhad) memberi inspirasi kepada koperasi-koperasi yang hadir bagaimana koperasi boleh memanfaatkan teknologi digital dalam operasi harian mereka dengan berkesan.

Hari kedua diteruskan dengan sesi keempat bertajuk “Koperasi & Ekonomi Digital: Kewujudan Online dan Keselamatan Data” oleh Encik Fizullah Abu Bakar (Ketua Perkhidmatan Pelanggan Korporat, MYNIC Bhd), yang menekankan pentingnya koperasi mempunyai kehadiran digital yang selamat dan dipercayai. Sesi kelima pula disampaikan oleh Encik Azmi Zainal (Ketua Pegawai Operasi, Farm Fresh Bhd) dengan tajuk “Teknologi sebagai Alat Inovasi untuk Lonjakan Perniagaan”. Dalam sesi yang penuh inspirasi ini, beliau berkongsi bagaimana penggunaan teknologi telah mempercepat pertumbuhan syarikat serta memperkuat hubungan dengan pelanggan melalui pendekatan yang lebih pantas, mesra dan berkesan.

Sesi penutup yang paling dinantikan menampilkan tokoh korporat tersohor negara, YBhg. Datuk Wira (Dr) Ameer Ali Mydin (Pengarah Urusan, Mydin Mohamed Holdings Bhd), dengan kupasan yang bertajuk

“Cabaran dan Risiko Transformasi Digital – Bagaimana Mengatasinya?”. Dengan gaya penyampaian yang telus, bersahaja dan sarat dengan pengalaman sebenar, beliau berkongsi kisah jatuh bangun dalam mendepani gelombang digitalisasi di syarikat miliknya. Pengalaman beliau membuka mata para peserta tentang hakikat cabaran sebenar di lapangan daripada halangan budaya organisasi sehinggalah kepada isu kos dan kemahiran. Sekali gus menekankan pentingnya perancangan strategik yang menyeluruh serta kepimpinan yang berani dan berwawasan dalam menjayakan transformasi digital.

Seminar ini membuktikan bahawa transformasi digital bukan sekadar perubahan teknologi, tetapi satu anjakan minda dan strategi. Koperasi yang berani berubah pasti akan mara ke hadapan. Namun yang enggan menyesuaikan diri, mungkin akan tenggelam dalam arus perubahan. Sesungguhnya, *ubah atau rebah*, pilihan di tangan kita.



► YBhg. Datuk Wira (Dr) Ameer Ali Mydin berkongsi pengalaman sebenar mengharungi cabaran dan risiko transformasi digital dalam syarikatnya dengan gaya yang telus dan bersahaja

Lonjak Pendapatan KPDRM melalui MiRiCLe Big

Nazirah Baharudin

nazirah@ikma.edu.my
Pusat Perundingan Koperasi

Pusat Perundingan Koperasi (PRK) telah melaksanakan Bengkel Pemantauan Key Performance Indicator (KPI) pada 10 hingga 12 Januari 2025 di Colmar Tropical, Bukit Tinggi. Bengkel ini merupakan salah satu aktiviti di bawah program Miricle Big yang bertujuan untuk membantu gerakan koperasi bagi melonjakkan pendapatan mereka.

Bengkel ini dihadiri oleh 22 orang daripada pengurusan tertinggi dan pengurusan kanan Koperasi Polis Diraja



Malaysia (KPDRM) serta tiga orang pegawai Latihan IKMa yang diketuai oleh Pengarah Pusat PRK, Puan Roziah Mohamed.

Menurut Ketua Pegawai Operasi KPDRM, Puan Nazarhanim Mohamad

Razak, bengkel ini memberi impak yang positif kepada KPDRM dalam membantu menyelia pekerja sekaligus melonjakkan pendapatan koperasi. Beliau berharap bengkel ini dapat menjadi satu titik permulaan kepada gerakan koperasi bagi mentadbir koperasi secara sistematik.

E-Invois : Digitalisasi Pengurusan Pentadbiran Cukai Koperasi

Noor Azrin Kasim

noorazrin@ikma.edu.my
Pusat Kewangan dan Akaun

Pusat Kewangan dan Akaun telah melaksanakan bicara ilmu “E-Invois: Digitalisasi Pengurusan Pentadbiran Cukai Koperasi” pada 21 Januari 2025. Program ini berlangsung di Hotel H Elite Design, Kota Bharu, Kelantan dengan kehadiran 110 orang peserta. Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai kepentingan e-Invois, menyediakan panduan yang praktikal dan cabaran-cabaran yang timbul dalam pelaksanaannya.

Pelaksanaan sistem e-Invois bertujuan untuk menggantikan invois manual dengan platform digital yang sistematik dan patuh kepada peraturan cukai. Pelaksanaan e-Invois memberikan manfaat kepada pentadbir cukai dan pembayar cukai.





Perkongsian maklumat oleh penceramah berkaitan kepentingan, cabaran dan sistem e-Invois yang diaplikasikan kepada koperasi. Dua orang penceramah jemputan telah hadir iaitu Puan Wardatul Raihan Ahmad, Eksekutif Hasil Kanan I dan Puan Norazida Irani Ghazali, Eksekutif Hasil dari Seksyen Khidmat Pelanggan, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) Kelantan. Program ini telah membantu peserta memahami kepentingan e-Invois, cabaran yang dihadapi, serta bagaimana

sistem ini boleh diaplikasikan dalam gerakan koperasi.

Menjelang Julai 2025, penggunaan e-Invois ini akan diwajibkan kepada semua pembayar cukai. Melalui program ini peserta akan memahami proses penggunaan e-Invois secara komprehensif, bagi meminimumkan kesilapan dalam operasi hariannya. Secara keseluruhannya, program ini telah memenuhi keperluan gerakan koperasi dalam mengadaptasi teknologi terkini.

Menetapkan Hala Tuju Koperasi Melalui Kursus Pengurusan Strategik (Wajib 3)

Dinah Nabilah Moktharuddin
dinah@ikma.edu.my
Pusat Pengurusan Perniagaan



► Sebahagian peserta Kursus Wajib 3 – Perancangan Strategik

Pusat Pengurusan Perniagaan (PPP) telah menganjurkan kursus Pengurusan Strategik (Wajib 3) pada 14–15 Januari 2025 secara dalam talian. Kursus ini diadakan untuk memberi kefahaman konsep dan kepentingan pengurusan strategik dalam pentadbiran dan perniagaan koperasi serta memberi input proses-proses yang terlibat dalam merancang strategik koperasi masing-masing. Kursus ini dihadiri oleh anggota yang terlibat dalam pengurusan strategik koperasi terutamanya anggota lembaga koperasi, pengurusan kanan koperasi, dan lain-lain.

Kursus yang berlangsung selama dua hari ini mengupas tentang kepentingan para peserta dalam merancang hala tuju koperasi untuk memastikan koperasi berada dalam landasan yang

ingin dicapai. Visi, misi dan objektif koperasi menjadi tunjang utama dalam memastikan koperasi bertindak selari dengan apa yang telah dipersetujui. Analisis persekitaran koperasi (SWOT) dan penjaan dan pemilihan strategi (TOWS) pula dijadikan sebagai alat dalam proses-proses pembentukan strategi.

Para koperator boleh mengenal pasti kekuatan dan kelemahan yang berada dalam koperasi serta peluang dan ancaman yang dihadapi oleh koperasi sebelum membuat dan menetapkan strategi yang boleh digunakan untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Sesi yang terakhir adalah di mana para peserta didedahkan dengan tatacara pelaksanaan, penilaian dan cara pengawalan strategi setelah kata

sepatutnya dicapai. Dalam pelaksanaan strategi ini, pencapaian strategi ini bergantung kepada ahli jawatankuasa yang mempunyai kemahiran yang khusus bagi memastikan strategi dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.


Kesimpulannya, kursus ini sangat penting untuk para koperator terutamanya Pengurusan Tertinggi Koperasi dan mereka yang terlibat dalam pengurusan strategik koperasi sama ada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung agar pelaksanaan pengurusan strategik koperasi terutamanya dalam pentadbiran dan perniagaan aktiviti koperasi dapat berjalan dengan lancar. Pengurusan strategik koperasi yang berkesan akan memberi banyak manfaat yang baik terutamanya kepada anggota koperasi.

Amalan Environmental, Social and Governance (ESG) dalam Perniagaan Koperasi


Mohamad Haniff Mohamad Hashim

haniff@ikma.edu.my

Pusat Pengurusan Perniagaan



► Sesi pengenalan yang disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Abu Kassim Mohamed



► Sesi berkaitan impak ESG kepada alam sekitar



► YBhg. Tan Sri Abu Kassim Mohamed sedang menyampaikan perkara berkaitan tadbir urus koperasi

Bicara ilmu bertajuk “Amalan Environmental, Social and Governance (ESG) dalam Perniagaan” telah berlangsung pada 16 Januari 2025 dan dijalankan secara dalam talian menggunakan platform Zoom Meeting. Program yang dijalankan separuh hari ini telah dihadiri sekitar 100 orang peserta antaranya ialah anggota lembaga koperasi, kakitangan koperasi, anggota koperasi dan individu yang berminat. Program ini merupakan salah satu inisiatif Institut Koperasi Malaysia (IKMa) untuk menggalakkan koperasi menerapkan amalan ESG dalam perniagaan koperasi. Bagi tahun 2025, sebanyak dua program bicara ilmu berkaitan ESG akan dilaksanakan oleh Pusat Pengurusan Perniagaan.

Kursus ini memberi pemahaman mengenai prinsip ESG dan bagaimana

ia dapat diterapkan dalam perniagaan koperasi di Malaysia. Oleh itu, diharapkan kursus ini dapat memberi pendedahan kepada koperasi masyarakat kini yang lebih prihatin terhadap isu-isu persekitaran, sosial dan tadbir urus menyebabkan koperasi perlu memahami dan mengintegrasikan prinsip ESG dalam perniagaannya. Objektif utama program ini ialah untuk memberi kefahaman tentang konsep dan kepentingan ESG dalam perniagaan, mengenal pasti amalan terbaik dalam ESG yang sesuai dalam perniagaan koperasi dan mempelajari integrasi prinsip ESG dalam perniagaan koperasi.

Program ini melibatkan tiga sesi iaitu sesi pengenalan, aspek ESG dalam perniagaan dan perkongsian pengalaman koperasi apabila menjalankan ESG dalam

perniagaannya. Taklimat disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Abu Kassim Mohamed, Pengerusi Koperasi Kebuniti Selangor Berhad. Taklimat tersebut menyentuh perkara berkaitan definisi ESG dan amalan ESG yang diterapkan dalam Koperasi Kebuniti Selangor Berhad. Penekanan diberikan kepada bagaimana koperasi melaksanakan ESG dalam perniagaannya. Banyak soalan telah dikemukakan kepada penceramah bagi mendapatkan idea dan input bagaimana melaksanakan ESG dan manfaatnya kepada koperasi dan masyarakat. Melalui program ini diharapkan pihak koperasi dapat memahami dengan lebih mendalam perkara berkaitan ESG dan bagaimana hendak melaksanakannya dalam perniagaan yang dijalankan koperasi.

Program Telling Our Stories, Building Strong Cooperative Brands in the Digital Era

Hajar Azwin Mohamad Ashi

azwin@ikma.edu.my

Pusat Pengurusan Perniagaan



► Para peserta bersama Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO), Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah dan Encik Balu Iyer, Pengarah Serantau ICA-AP melawat laluan Titian Silara atau “CoopCare Canopy Night Walk” di Taman Eko Rimba Kuala Lumpur (TERKL).



► 27 peserta bergambar bersama penganjur program ICA-AP dan EU, serta hos oleh ANGKASA

Program latihan “Telling Our Stories, Building Strong Cooperative Brands in the Digital Era” anjuran International Cooperative Alliance Asia and Pacific (ICA-AP) dan European Union (EU) yang dianjurkan oleh Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) telah diadakan pada 5 hingga 6 Februari 2025 bertempat di Impiana KLCC Hotel, Kuala Lumpur. Program latihan ini diadakan bersempena dengan Tahun Koperasi Antarabangsa 2025 (YC2025) sebagai satu usaha untuk mempertingkatkan strategi penjenamaan digital, penceritaan dan komunikasi koperasi dari seluruh Rantau Asia Pasifik.

Seramai 27 orang peserta telah menyertai program ini yang terdiri dari 17 peserta antarabangsa dan 10 peserta dari Malaysia. Program melibatkan 11 negara iaitu Amerika Syarikat, Australia, Fiji, Filipina, India, Iran, Malaysia, Nepal, Sri Lanka, Thailand, dan Vietnam. Program telah dirasmikan oleh Encik Balu Iyer, Pengarah Serantau ICA-AP dan turut dihadiri oleh Anggota Lembaga ANGKASA, Dato' Kamarudin Ismail



► Perkongsian pengalaman daripada pemain industri dalam membina penjenamaan dalam pemasaran digital



► Peserta berbincang secara berkumpulan tentang cara menyampaikan kisah kejayaan koperasi dengan bimbingan penceramah profesional

yang juga merupakan salah seorang Ahli Lembaga Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA).

Antara pengisian program latihan ini adalah peserta berkongsi pengalaman strategi yang diperlukan untuk meningkatkan penjenamaan dan keterlihatan koperasi dalam era digital. Selain itu, peserta juga dapat mempelajari cara memanfaatkan platform digital, media baharu dan pendekatan membina identiti koperasi yang kukuh dengan cara menyampaikan kisah pencapaian dan kejayaan koperasi bagi menarik minat generasi terkini melalui sesi interaktif dan latihan praktikal antara peserta.

Peserta juga turut berpeluang melaksanakan aktiviti riadah yang turut dihadiri oleh Presiden ANGKASA merangkap Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO), Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah dan Encik Balu Iyer, Pengarah Serantau ICA-AP bagi merasai pengalaman meneroka laluan Titian Silara atau “CoopCare Canopy Night Walk” di Taman Eko Rimba Kuala Lumpur (TERKL) sambil menikmati keindahan pemandangan Menara Kuala Lumpur dan bangunan ikonik pada waktu malam. Pegawai Institut Koperasi Malaysia yang menyertai program ini ialah Encik Mazlan Ali dari Unit Komunikasi Korporat dan Puan Hajar Azwin Mohamad Ashi dari Pusat Pengurusan Perniagaan.

Tingkatkan Kompetensi Koperator Melalui Kursus Pengurusan Krisis


Mohamad Haniff Mohamad Hashim
haniff@ikma.edu.my
Pusat Pengurusan Perniagaan



► Taklimat hari ke-2 oleh penceramah



► Konsep RAIN yang diterangkan oleh penceramah untuk menyelesaikan krisis



► Konsep RAIN yang diterangkan oleh penceramah untuk menyelesaikan krisis



► Konsep RAIN yang diterangkan oleh penceramah untuk menyelesaikan krisis

Kursus Pengurusan Krisis merupakan satu kursus baharu yang diperkenalkan bagi tahun 2025. Ia bertujuan untuk membantu koperator menyelesaikan konflik dan permasalahan yang berlaku di dalam koperasi mereka. Ia melibatkan peserta yang terdiri dalam kalangan anggota lembaga koperasi, kakitangan dan anggota koperasi. Kursus ini juga memberi pengetahuan berkaitan kepentingan pengurusan krisis dalam perniagaan. Program ini diharapkan dapat meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam langkah-langkah dan penilaian yang digunakan bagi mengurus krisis perniagaan. Topik ini juga memberi penekanan meliputi teknik berkomunikasi semasa krisis dan medium bersesuaian yang digunakan untuk mengurus krisis perniagaan. Aspek komunikasi ditekankan dalam silibus kursus kerana konflik yang berlaku dalam koperasi adalah disebabkan oleh masalah yang timbul antara ALK,

kakitangan, anggota, pembekal dan pelanggan.

Objektif kursus ini ialah untuk memberi pengetahuan tentang definisi, jenis dan kepentingan pengurusan krisis dalam perniagaan. Kursus ini juga membantu koperator mempelajari pelan krisis dan teknik komunikasi yang berkesan semasa krisis. Selain itu, kursus ini juga turut membantu mereka mempelajari langkah-langkah dan menilai risiko krisis. Penceramah yang dijemput untuk memberikan taklimat ini ialah Puan Faridah Rahman, seorang perunding latihan yang berpengalaman luas dalam bidang pengurusan, sumber manusia, kewangan dan lain-lain. Kursus yang dijalankan selama dua hari iaitu 5-6 Februari 2025 meliputi banyak perkara dan aspek berkaitan pengurusan krisis. Selain taklimat, kursus ini juga diselitkan dengan kerja berkumpulan sesama peserta kursus.

Kursus ini dikendalikan secara dalam talian dan mengenakan bayaran sebanyak RM20 untuk seorang peserta. Usai kursus, peserta telah diberikan nota berbentuk slides presentation bagi membantu mereka membuat rujukan. Kursus yang telah dihadiri seramai 40 orang peserta ini diharap dapat membantu mereka menyelesaikan konflik, masalah dan perbezaan pendapat yang berlaku di koperasi mereka. Diharap kursus ini dapat dilaksanakan pada masa hadapan kerana penyertaan peserta untuk kursus ini dalam komunikasi dua hala bersama penceramah amat positif dan menggalakkan. Ia juga diharap dapat membantu koperasi khususnya peserta dalam kalangan ALK, kakitangan dan anggota koperasi menyelesaikan konflik dengan lebih baik dan sistematik pada masa hadapan.

Mindset Pemenang: Cara Berfikir Seorang CEO

Malesa Shela Ta'yib
malesa@ikma.edu.my
IKMa Zon Timur

The poster features two speakers: En. Abdul Rashid Abdul Rahman, President of Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur Berhad (KPKP), and En. Azlan Shah Nabees Khan, CEO of ARBA Foundation. The event is titled "CEO TALK: 'MINDSET PEMENANG: CARA BERFIKIR SEORANG CEO'" and is scheduled for 25 Mac 2025 at the Swiss-Bel Hotel, Kuantan, from 2:00 PM to 4:30 PM. The event is organized by Institut Koperasi Malaysia Zon Timur. Logos for the Ministry of Entrepreneurship and Cooperatives and Institut Koperasi Malaysia are also present.

Pada 25 Mac 2025 bersamaan 24 Ramadan 1446H telah berlangsung program Ceo Talk anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Timur dengan tajuk “Mindset Pemenang: Cara Berfikir Seorang CEO” bertempat di Swiss-Bel Hotel Kuantan. Program separuh hari yang berlangsung pada bulan Ramadan ini telah dihadiri seramai 100 orang peserta dari koperasi-koperasi sekitar Kuantan, Temerloh, Kemaman, Pekan, Muadzam dan Rompin. Pada kali ini IKMa Zon Timur memilih tajuk yang lebih berfokus kepada kepimpinan dalam koperasi merangkumi cara bagaimana seorang pemimpin di dalam koperasi berfikir dan memimpin organisasinya.



► Puan Haslinda Sujak, Pengarah IKMa Zon Timur (tengah) bersama penceramah, Encik Azlan Shah Nabees Khan (kiri)



► Encik Abdul Rashid Abdul Rahman berkongsi pengalaman beliau menguruskan koperasi



► Antara peserta yang hadir

Pemilihan penceramah Encik Azlan Shah Nabees Khan, CEO Arba Foundation sebagai penceramah utama sangat bersesuaian dan menepati tajuk “*Mindset* Pemenang: Cara Berfikir Seorang CEO”. Manakala perkongsian pengalaman oleh Encik Abdul Rashid Abdul Rahman, Pengurus Besar Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur Berhad (KPKP) pula membuka minda para koperator dalam tadbir urus koperasi yang mantap.

Dalam dunia korporat dan koperasi, kejayaan sesebuah organisasi banyak bergantung kepada cara berfikir pemimpinnya. “*Mindset* Pemenang: Cara Berfikir Seorang CEO” merujuk kepada pemikiran strategik, kepimpinan berwawasan, dan ketahanan mental yang dimiliki oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dalam mengemudi organisasi ke arah kejayaan. Seorang CEO bukan sekadar seorang pengurus tetapi juga pemimpin yang mampu mencipta peluang, mengatasi cabaran, dan memberi inspirasi kepada pasukan mereka.

Dalam konteks korporat, *mindset* pemenang bermaksud mempunyai pemikiran inovatif, berani mengambil risiko yang dikira, dan mengekalkan daya saing dalam pasaran yang sentiasa berubah. Sementara itu, dalam dunia koperasi, seorang CEO yang berfikiran pemenang harus berfokus kepada kesejahteraan anggota sambil memastikan pertumbuhan mampan dan keberkesanan operasi.

Penceramah membawa peserta menghayati nilai dan ciri kepimpinan Rasulullah SAW dalam ceramahnya kerana Baginda bukan sahaja seorang Nabi, tetapi juga seorang pemimpin, pengurus strategi, tokoh diplomatik, dan juga seorang ‘CEO’ dalam erti kata moden. Maka dengan itu wajarlah Nabi Muhammad SAW dijadikan tokoh dan pemimpin yang menjadi ikutan sepanjang zaman. Dalam sesi kedua melalui perkongsian pengalaman dari Encik Rashid pula, beliau mengaitkan bagaimana beliau memastikan

kepimpinan yang diterajuiinya diterima oleh semua kakitangan bawahan. Beliau mengamalkan prinsip, kerja bersama susah bersama dan mendahului keperluan kakitangan bawahannya baru diikuti diri sendiri punca bagaimana beliau kekal relevan selama lebih 30 tahun berkhidmat dalam KPKP. Daripada pengalaman beliau yang luas dalam pengurusan koperasi itulah menjadikan KPKP antara koperasi terbaik bukan sahaja di negeri Pahang malah di dalam Malaysia.

Ucapan perasmian penutup telah disampaikan oleh Puan Haslinda Sujak, Pengarah IKMa Zon Timur mewakili Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan), Encik Mohd Zaib Mat Yunus yang tidak dapat menghadiri program. Program diakhiri dengan bacaan ayat suci al-Quran yang dialunkan oleh Encik Amirul Ak’mal Anuar dari Pusat Kutipan Zakat Negeri Pahang sebelum majlis berbuka puasa.

Dari Halal ke Berkat, Syariah Diperhebat

Siti Nuraini Abu Bakar
nuraini@ikma.edu.my
IKMa Zon Selatan



Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Selatan telah menganjurkan program bicara syawal bertajuk ‘Dari Halal ke Berkat, Syariah Diperhebat’ pada 24 April 2025. Program ini diadakan di Hotel Courtyard by Marriot Melaka dan telah dihadiri seramai 100 orang peserta dari negeri Melaka merangkumi anggota lembaga koperasi (ALK), Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD), pengurus dan kakitangan koperasi, anggota koperasi, serta pegawai agensi dan kerajaan yang memainkan peranan dalam kawal selia gerakan koperasi. Objektif program ini adalah meningkatkan kefahaman dalam kalangan koperasi mengenai kepentingan pematuan syariah dalam pengurusan dan operasi perniagaan serta memberi pendedahan kepada koperasi mengenai peluang dalam industri halal yang boleh diterokai. Selain itu, program ini bertujuan untuk menggalakkan koperasi mendapatkan sijil halal sebagai nilai tambah kepada perniagaan mereka.

Program ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Onn Abu Bakar, Pengerusi Lembaga Pengarah IKMa. Dalam ucapan perasmian, beliau menasihatkan bahawa dalam apa jua usaha dan urus tadbir koperasi, jangan mengejar status “halal” semata-mata, tetapi kita harus menuju

ke arah “berkat”, iaitu keberkatan yang membawa ketenangan, keadilan dan rahmat dalam kehidupan, perniagaan serta pekerjaan. Selain itu, beliau juga menekankan bahawa koperasi bukan sekadar entiti ekonomi yang berdaftar, tetapi sebuah organisasi yang mendukung nilai-nilai murni: amanah, keadilan, tolong-menolong dan kebersamaan. Maka, apabila syariah dijadikan asas dalam setiap keputusan dan urus tadbir koperasi, kita bukan sahaja melahirkan struktur yang telus dan cekap, tetapi juga membina kepercayaan dalam kalangan anggota.

Turut hadir di majlis perasmian, Encik Hafizal Abu Bakar (Pengarah IKMa Zon Selatan), Encik Mohd Fadzli Che Rus (Timbalan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Melaka) dan Puan Hajah Rosnani Hj. Arshad (Setiausaha Angkasa Negeri Melaka). Terdapat dua orang penceramah yang terlibat dalam program bicara Syawal ini. Penceramah pertama ialah Tuan Haji Abdul Manap Mohamad (Pegawai Pemantauan dan Penguatkuasaan Aduan Halal, Jabatan Agama Islam Melaka) dengan pembentangan bertajuk ‘*Halal on Track*’ menerangkan berkaitan kepentingan pensijilan halal kepada

koperasi, peluang dan cabaran dalam industri halal serta proses permohonan pensijilan halal Malaysia.

Manakala penceramah kedua pula ialah Ustaz Mohamad Azahari Ahmad (Pengurus Seksyen Pematuan Syariah, Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Syariah) dengan tajuk ‘Kepentingan Syariah dalam Pengurusan Koperasi’ iaitu meningkatkan kefahaman dalam kalangan koperasi mengenai kepentingan pematuan syariah dalam operasi perniagaan koperasi. Peserta juga telah diberi pencerahan tentang bagaimana syariah boleh menjadi panduan dalam ekonomi, kepimpinan, dalam proses membuat keputusan dan juga dalam membentuk budaya kerja yang lebih telus, adil dan lestari.

Secara keseluruhannya, penganjuran program ini telah berjalan dengan lancar dan telah mendapat maklum balas yang positif daripada para peserta serta berjaya mencapai objektifnya. Selain itu, IKMa Zon Selatan berharap agar program ini memberikan manfaat kepada semua peserta yang hadir dan dapat memahami kepentingan pematuan syariah dan pensijilan halal dalam perniagaan mereka.

Peluang Perniagaan ALK Koperasi Kluster Mikro Felda

Nazirah Baharudin
nazirah@ikma.edu.my
Pusat Perundingan Koperasi



► Lawatan Masjid Al-Hasanah (Kursus Peluang Perniagaan ALK Felda)



► Lawatan Institut Pertanian Serdang Selangor



► Sesi penerangan Model Perniagaan Koperasi oleh Encik Mohd Fitri Ab Rahman, Pegawai Latihan IKMa

Pusat Perundingan Koperasi (PRK), telah bekerjasama dengan pihak Felda dalam menganjurkan Kursus Peluang Perniagaan yang memberi fokus kepada semua ALK Koperasi Kluster Mikro Felda di Semenanjung Malaysia. Kursus ini telah dilaksanakan pada 6 – 8 Mei 2025 di Institut Semarak Felda (ISEF), Bangi.

Kursus ini melibatkan aktiviti di dalam kelas dan lawatan ke koperasi luar. Pada hari pertama, peserta dikongsikan dengan topik pengenalan koperasi, peluang

perniagaan koperasi dan Bisnes Model Canvas (BMC). Seterusnya, pada hari kedua peserta di bawa untuk melawat Ke Koperasi Institut Pertanian Serdang Selangor Bhd (KOIPS) dan lawatan ke Koperasi Masjid Al-Hasanah Baru Bangi Bhd.

Di KOIPS, peserta didedahkan dengan ilmu berkaitan potensi perniagaan dalam sektor pertanian. Peserta diberikan taklimat mengenai KOIPS dan projek yang diusahakan. Tiga modul projek yang dikongsi antaranya Teknologi Tanaman Fertigasi para dan Fertigasi Meja, Ayam Penelur, Ternakan Ikan konsep RAS dan terakhir cabaran dalam sektor pertanian.

Seterusnya, melalui lawatan di Masjid Hasanah peserta dapat melihat pelbagai model perniagaan yang dijalankan melalui aktiviti perniagaan Hasanah Mart, Hasanah Café, Hasanah Coffee, Hasanah Carwash, Hasanah Barber, Hasanah Kids Fun Ride dan lain-lain lagi.

Melalui lawatan ini memudahkan peserta dalam melaksanakan tugas pada hari ketiga di mana peserta mendapat inspirasi dan pendedahan langsung yang dapat membantu mereka membangunkan model perniagaan koperasi masing-masing. Pendekatan ini secara tidak langsung memperkukuhkan kefahaman dan memberi idea praktikal kepada peserta dalam merancang strategi koperasi yang lebih mampan.

Secara keseluruhannya, kursus ini berjaya memberikan pendedahan komprehensif kepada ALK koperasi Kluster Mikro Felda melalui gabungan sesi teori dan lawatan industri, peserta bukan sahaja memperoleh pengetahuan asas koperasi dan perniagaan, malah mendapat inspirasi daripada model sebenar perniagaan. Pengalaman ini telah memperkukuhkan kefahaman peserta serta membuka peluang bagi membangunkan model perniagaan koperasi yang lebih mampan dan sesuai dilaksanakan di kawasan FELDA masing-masing.

Projek Ternakan Ayam Penelur Menjadi Pilihan Koperasi Komuniti

Frank Me-ol
frank@ikma.edu.my
IKMa Zon Sarawak

Program bicara ilmu “Potensi Penglibatan Koperasi Luar Bandar di dalam Projek Ternakan Ayam Penelur” telah diadakan dengan jayanya di Rumah Ngumbang Kampung Tuba, Pantu pada 9 Mei 2025. Program ini merupakan sebahagian daripada program tahunan 2025 anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sarawak yang bertujuan untuk terus memperkasakan koperasi komuniti luar bandar khususnya di rumah panjang berdasarkan keperluan dan permintaan mereka. Perasmian program telah disempurnakan oleh YB Dato’ Sri Doris Sophia anak Brodie, Ahli Parlimen Sri Aman. Turut hadir bersama ialah Puan Roziah Mohamed yang mewakili Timbalan Ketua Pengarah IKMa.

177 orang peserta dalam kalangan anggota koperasi dan penduduk kampung

sekitar Pantu hadir ke program tersebut. Program turut dimeriahkan dengan pembukaan reruai dua buah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) iaitu Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan TEKUN Nasional Bahagian Sri Aman dan turut disertai koperasi dan usahawan yang memaparkan produk dan perkhidmatan mereka kepada peserta yang hadir.

Dua pembentangan kertas kerja telah dikongsikan sepanjang program. Kertas kerja yang pertama dengan tajuk “Keistimewaan Berkoperasi” telah disampaikan oleh Encik Frank Me-ol, Pegawai Latihan Kanan dari Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak. Kertas kerja ini memberi tumpuan

kepada kefahaman berkoperasi dan kelebihan menyertai koperasi sebagai agen pembangunan ekonomi.

Kertas kerja kedua yang bertajuk “Asas Penternakan Ayam Penelur” yang telah disampaikan oleh Dr. Carlina Freddie Simoi @ Rachellynna dari Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu pula berkongsi berkenaan asas penternakan ayam penelur termasuklah pemilihan baka yang sesuai, pembinaan reban, kawalan penyakit, kos-kos pengeluaran, kaedah penyediaan makanan, latihan kakitangan dan sokongan agensi berkaitan. Beliau turut berkongsi strategi pemasaran yang berkesan bagi memastikan keuntungan yang maksimum.



► Gambar kenangan YB Dato’ Sri Doris Sophia anak Brodie bersama tetamu jemputan dan peserta yang hadir



► YB Dato Sri Doris Sophia anak Brodie melawat reruai koperasi

Program Credit Union Cooperative Edutour (CUCE 2025)

Muhammad Afnan Hasim
afnan@ikma.edu.my
Pusat Antarabangsa



► YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa, bergambar bersama delegasi Koperasi Kredit Union Mauritius



► Para peserta turut dibawa melawat ke Istana Negara semasa sesi Kuala Lumpur City Tour

Pada 23 hingga 30 Mei 2025 yang lalu, satu program *Credit Union Cooperative EduTour* (CUCE 2025) telah diadakan di De MOCCIS Boutique Hotel, Kuala Lumpur. Program ini telah disertai seramai 12 orang peserta yang terdiri daripada Ahli Lembaga dan barisan pengurusan Koperasi Kredit Union Mauritius.

Antara pengisian yang telah diatitkan dalam program CUCE 2025 ini adalah perkongsian ilmu pengetahuan dan pengalaman daripada penceramah



► Tuan Haji Azam Sulaiman, Naib Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar dan Pembangunan), SKM, bergambar bersama delegasi semasa lawatan ke SKM



► Taklimat berkaitan Bank Rakyat disampaikan oleh Encik Mohd Arief Azree Tun Arifin, *Vice President, Strategic Planning & Corporate Performance*



► Peserta turut dibawa melawat dan mendengar taklimat daripada KOPETRO



► Sesi ceramah bertajuk "Cooperatives Movement in Malaysia" disampaikan oleh Puan Norbiha Kosmuri@Kasmuri, Pengarah Pusat Pembangunan Koperasi, IKMa

jemputan, lawatan ke koperasi terkemuka di Malaysia seperti Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Koperasi Tentera, Koperasi Kakitangan Petronas Berhad (KOPETRO). Di samping itu, peserta juga turut dibawa melawat ke Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi memberikan pendedahan berkaitan fungsi dan peranan SKM sebagai badan kawal selia gerakan koperasi di Malaysia.

Program CUCE 2025 ini diharap dapat menjadi pemangkin kepada pelaksanaan amalan terbaik dalam koperasi kredit di Mauritius. Di samping itu, ia turut memperkukuh hubungan strategik antara IKMa dan National Co-operative College (NCC), Mauritius selaras dengan hasrat membina ekosistem koperasi yang mampan, berdaya saing dan memberi impak di peringkat antarabangsa.

91 Graduan Sijil Eksekutif dirai dalam Majlis Apresiasi Sijil Eksekutif Sesi 2024

Nur Syazwani Zainul Abidin
nursyazwani@ikma.edu.my
Pusat Pendidikan Tinggi



► YB Tuan Onn Abu Bakar bergambar bersama peserta Sijil Eksekutif Setiausaha Koperasi (SESKo)

Pusat Pendidikan Tinggi, Institut Koperasi Malaysia telah mengadakan Majlis Apresiasi Sijil Eksekutif sesi 2024 di Hotel Bangi Resort yang telah dirasmikan oleh YB Tuan Onn Abu Bakar, Pengerusi Lembaga Pengarah IKMa pada 28 Mei 2025. Majlis ini bermula jam 2.00 petang dengan kehadiran seramai 180 orang tetamu. Majlis apresiasi ini diadakan bagi meraikan 91 orang peserta dengan tiga program iaitu program Sijil Eksekutif

Pengurusan Koperasi (SEPKo), Sijil Eksekutif Setiausaha Koperasi (SESKo) dan Sijil Eksekutif Pemasaran Digital (SEPDi) yang telah berjaya menamatkan program sijil ini yang mengambil masa selama lima hari sehingga enam bulan pengajian.

Majlis Apresiasi Sijil Eksekutif ini dimulakan dengan bicara ilmu dengan tajuk "Seni pemikiran strategik: Dilahirkan atau dibentuk. Kupasan

bicara ilmu ini, IKMa bawakan Tuan Azlan Nabees Khan dan Encik Hadi Pahmi selama satu jam. Sesi berikutnya adalah penyerahan Sijil Eksekutif kepada 91 orang peserta yang telah disampaikan oleh YB Tuan Onn Bakar diiringi oleh YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa serta Encik Mohd Zaib Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan) IKMa. Anugerah Peserta terbaik bagi tiga program turut diberikan kepada Encik



► YB Tuan Onn Abu Bakar bergambar bersama peserta Sijil Eksekutif Pemasaran Digital (SEPDi) sesi 1



► YB Tuan Onn Abu Bakar bergambar bersama peserta Sijil Eksekutif Pemasaran Digital (SEPDi) sesi 2



► YB Tuan Onn Abu Bakar bergambar bersama peserta Sijil Eksekutif Pengurusan Koperasi (SEPKo) sesi 1



► YB Tuan Onn Abu Bakar bergambar bersama peserta Sijil Eksekutif Pengurusan Koperasi (SEPKo) sesi 2

Wan Muhammad Idham Wan Mahdi bagi program SEPKo sesi 1, Encik Mohamad Fauzan Sarbini bagi program SEPKo sesi 2, Puan Nur Fatin Mohamad Hashim bagi program SESKo dan Encik Meor Ezree Syazrin Meor Abdul Ghani bagi program SEPDi sesi 2.

Turut hadir sama dalam majlis ini ialah barisan Anggota Lembaga Pengarah IKMa, wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia, wakil koperasi-

koperasi, YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa, Puan Hamidah Mohd Jos, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) IKMa, Pengarah-pengarah Kanan serta Pengarah-pengarah IKMa. Petikan ucapan YB Tuan Onn Bakar dalam Majlis Apresiasi ini berpesan agar Majlis

Apresiasi ini sebagai titik mula untuk graduan membawa perubahan yang lebih besar di koperasi masing-masing. Libatkan rakan ALK dan anggota dalam budaya ilmu. Laporkan impak program ini kepada koperasi supaya ia menjadi pemangkin kepada perubahan yang lebih meluas.

Koperasi Kariah Masjid Terus Diperkasa

Mohamad Suandi Mortadza
msuandi@ikma.edu.my
IKMa Zon Sarawak



► YBhg. Datuk Haji Misnu Haji Taha menyampaikan Sijil Penyerahan kepada wakil peserta



► YBhg. Datuk Lamien Sawiyo berkongsi pengalaman

Gerakan koperasi kariah masjid di Sarawak terus digesa untuk meningkatkan pengurusan dan menjana keuntungan agar koperasi masjid terus membantu pengurusan masjid masing-masing lebih berdikari dan tidak bergantung sepenuhnya dengan bantuan. Begitulah antara lain intipati ucapan yang telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Haji Misnu Haji Taha, Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak ketika merasmikan penangguhan bicara ilmu “Memperkasakan Koperasi Kariah Masjid” di Kuching pada 29 Mei 2025 yang lalu. Program ini juga telah mendapat kerjasama daripada Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS). Seramai 200 orang peserta telah menghadiri program ini yang terdiri daripada anggota lembaga koperasi, anggota koperasi kariah masjid dan juga ahli jawatankuasa pengurusan masjid sekitar Sarawak.

Antara perkongsian menarik dalam program ini adalah Perkongsian Pengalaman Kejayaan Pengurusan Koperasi Kariah Masjid dan telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Lamien Sawiyo Pengerusi Koperasi Masjid Nurul Yaqin Kelana Jaya Berhad. Selain itu, turut sama berkongsi maklumat bersama

peserta dalam program ini ialah Puan Norzalimah Hj Razali (SKM), Ustaz Mohamad Jol Ahmad (JAIS) dan Encik Frank Meol Abdullah (IKMa). Encik Mohd Zaib Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah IKMa (Pembangunan Modal Insan) turut hadir pada kali ini dan telah menyampaikan ucapan alu-aluan.



► YBhg. Datuk Haji Misnu Haji Taha dan Encik Mohd Zaib Mat Yunus merakam kenangan bersama tetamu dan peserta program

Kolokium: Platform Dinamik Perkongsian Ilmu

Nor Arma Abu Talib
arma@ikma.edu.my
Pusat Penyelidikan



► Sebahagian para pembentang program Kolokium

Menyedari kepentingan ilmu dalam meningkatkan kualiti Pegawai Latihan, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) melalui Pusat Penyelidikan telah menganjurkan Program Kolokium 2024 kali ke-17 pada 4 – 5 Disember 2024 bertempat di Auditorium Dato' Abdul Majid, Petaling Jaya, Selangor. Program ini merupakan perkongsian idea dan pengalaman hasil daripada lawatan yang dijalankan oleh Pegawai Latihan IKMa ke koperasi di seluruh Malaysia, Indonesia dan Thailand.

Objektif program ini adalah untuk mengenal pasti peluang baharu dan amalan terbaik koperasi yang boleh dijadikan panduan serta mengaplikasikannya sebagai nilai tambah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Seramai 91 orang peserta terdiri daripada Pegawai Latihan IKMa seluruh Malaysia terlibat dalam berkongsi pendapat dan perbincangan secara intelektual bagi meningkatkan kemahiran serta kepakaran mengenai



► Para peserta program Kolokium

isu yang berkaitan pembangunan koperasi. Setiap pembentangan adalah bertujuan untuk mengenal pasti peluang baharu, strategi dan amalan terbaik koperasi dalam dan luar negara yang boleh dijadikan sebagai panduan dan mengaplikasikannya sebagai nilai tambah dalam proses pengajaran dan pembelajaran kepada para koperator.

Secara keseluruhan, program ini telah berjalan lancar dengan adanya sesi interaktif antara pembentang dan peserta. Sebanyak 14 kertas pembentangan yang melibatkan dua sesi perkongsian lawatan luar negara (Indonesia dan Thailand) dan 12 kisah kejayaan koperasi di Malaysia dibentangkan.

IKMa Perkukuh Hubungan Malaysia-Bosnia & Herzegovina Business Council

R. Zarinatun Mohd Abdul Kader

zarinatun@ikma.edu.my
Pusat Antarabangsa

Pada 20 Januari 2025, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah menerima lawatan daripada Malaysia-Bosnia and Herzegovina Business Council (MBBC). MBBC merupakan sebuah organisasi yang bertujuan memainkan peranan sebagai pemudah cara dan menghubungkan ekonomi dan perdagangan antara Malaysia dan Bosnia-Herzegovina. MBBC memainkan peranan penting dalam mempromosikan kerjasama strategik di pelbagai sektor, termasuk pembangunan koperasi.

Objektif utama lawatan ini adalah untuk membincangkan peluang strategik dan bertukar pandangan mengenai amalan terbaik. Antara bidang kerjasama yang dibincangkan termasuk pelancongan dan industri perkhidmatan serta industri makanan dan minuman yang mempunyai potensi besar untuk menyumbang kepada pembangunan koperasi dan ekonomi kedua-dua negara.

Delegasi MBBC terdiri daripada dua Naib Presiden, iaitu Nermin Hajvazovic dan Mirza Vejzagic yang membawa aspirasi untuk memperkukuhkan hubungan strategik ini.

Kedua-dua pihak telah berbincang tentang inisiatif dan peluang kolaborasi baharu bagi memperkasa serta meningkatkan inovasi koperasi ke arah yang lebih progresif dan mampan. Ketua Pengarah menyatakan kesediaan IKMa untuk membantu MBBC dalam



► Penyerahan cenderahati kepada delegasi Bosnia



► Delegasi melawat Galeria IKMa



► Lawatan delegasi di Perpustakaan Tan Sri Noh Omar, IKMa



► Perbincangan yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor

membangunkan institusi latihan koperasi di Bosnia-Herzegovina. Ini membuka peluang bagi kedua-dua negara berkongsi kepakaran dan pengalaman

dalam membangunkan institusi latihan koperasi yang menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi dan sosial.

Lawatan IKMa ke UMT Perkukuh Kerjasama

Nur Syazwani Zainul Abidin
nursyazwani@ikma.edu.my
Pusat Pendidikan Tinggi

Pusat Pendidikan Tinggi (PPT) IKMa telah mengadakan kunjungan hormat ke Fakulti Perniagaan, Ekonomi & Pembangunan Sosial (FPEPS) UMT pada 5 Februari 2025. Kunjungan hormat ini diketuai oleh Puan Arfizawati Abd Hadi, Pengarah Pusat Pendidikan Tinggi dan disambut oleh Prof. Madya Dr. Nazli Aziz, Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi & Pembangunan Sosial.

Pertemuan ini membincangkan peluang kolaborasi program belia universiti yang berpotensi dan bermanfaat kepada kedua-dua pihak terutamanya dalam gerakan koperasi. Semoga sinergi ini



► Penyampaian cenderamata oleh Puan Arfizawati Abd Hadi kepada Prof. Madya Dr. Azwadi, Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pelajar)

akan membuka lebih banyak peluang kerjasama dalam membangunkan dan

memupuk semangat keusahawanan koperasi kepada para mahasiswa UMT.

Lawatan Rasmi IKMa ke UniSZA

Nur Syazwani Zainul Abidin
nursyazwani@ikma.edu.my
Pusat Pendidikan Tinggi

Sesi kunjungan hormat Pusat Pendidikan Tinggi, IKMa ke Pejabat Timbalan Naib Canselor (PTNC) Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA), UniSZA telah berlangsung pada 4 Februari 2025 yang diketuai oleh Encik Mohamad Haswardi Morshidi. Kunjungan hormat ini telah disambut mesra oleh YBhg. Dato' Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Hafiz Yusof, Timbalan Naib Canselor HEPA dan pegawai-pegawai dari PTNC.

Kunjungan ini bertujuan menjalinkan hubungan dua hala dan menyalurkan maklumat serta memperkenalkan peranan

IKMa dalam pendidikan koperasi terutamanya pendidikan koperasi kepada belia universiti. Pertemuan singkat dan perbincangan dua hala ini turut menerangkan program-program belia yang dianjurkan oleh IKMa kepada pelajar universiti supaya pelajar mempunyai nilai tambah dalam koperasi untuk memperoleh peluang pekerjaan di koperasi mahupun menubuhkan koperasi sendiri yang boleh membuka peluang pekerjaan kepada orang lain. Diharap kunjungan hormat ini dapat memberi impak yang positif serta dapat menarik minat belia untuk bersama-sama dalam gerakan koperasi.



► Penyampaian cenderamata oleh Encik Mohamad Haswardi Morshidi kepada TNC HEPA

Sinergi IKMa - Yayasan Angkasa Dalam Memacu Pendidikan Koperasi Belia

Nur Syazwani Zainul Abidin
nursyazwani@ikma.edu.my
Pusat Pendidikan Tinggi

Pusat Pendidikan Tinggi, IKMa dengan kerjasama Yayasan ANGKASA telah melaksanakan Sijil Pengurusan Koperasi selama 4 hari bermula pada 21 – 24 Februari 2025 di Hotel IDEAS Kuala Lumpur. Program ini telah dihadiri 87 orang pelajar tahun akhir pembiayaan Pendidikan Yayasan ANGKASA serta tujuh orang Pegawai Latihan IKMa terlibat secara langsung selama program ini berlangsung. Program ini bertujuan sebagai tambah nilai pelajar serta melahirkan graduan yang berpengetahuan dalam bidang pengurusan koperasi.

Antara topik-topik yang dipelajari :

- Kenali Koperasi
- Asas Perundangan Koperasi
- Celik Koperasi
- Memahami Penyata Kewangan Koperasi
- Pemasaran Digital Koperasi
- Sistem Pentadbiran Koperasi
- Perancangan Perniagaan Koperasi
- Microsoft Excel Lanjutan

Pada akhir kursus ini, majlis perasmian Kursus Pensijilan Pengurusan Koperasi telah diadakan oleh pihak Yayasan ANGKASA yang dirasmikan oleh YBhg Tuan Onn Abu Bakar, Pengerusi Lembaga Pengarah, IKMa. Hadir sama dalam majlis adalah YBhg. Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah, Pengerusi Yayasan ANGKASA, Ahli-Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan ANGKASA, wakil pihak IKMa, Puan Norbiha Kasmuri, Pengarah Pusat Pembangunan Koperasi, Puan Arfizawati



► YB Tuan Onn bersama pelajar Yayasan ANGKASA



► Barisan VIP bersama pelajar Yayasan ANGKASA



► Perbincangan pelajar mengenai kajian kes



► Pembentangan pelajar di dalam kelas



► Persembahan tarian daripada pelajar



► Nyanyian oleh pelajar Yayasan ANGKASA

Abd Hadi, Pengarah Pusat Pendidikan Tinggi dan pegawai-pegawai IKMa.

IKMa berharap program ini membuka minda serta menyediakan pelajar dengan

peluang dan ilmu untuk melangkah ke dunia koperasi.

Tahniah kepada semua pelajar!

Inisiatif Strategik Menyantuni Koperasi Luar Bandar

Jaibit Jaudin
jaibit@ikma.edu.my
IKMa Zon Sabah

Shamsiah Syamsudin
shams@ikma.edu.my
IKMa Zon Sabah

Norawati Ngatmin
norawati@ikma.edu.my
IKMa Zon Sabah



► Penyerahan cenderahati IKMa kepada Pengerusi Koperasi Usahawan Tani Tambunan Bhd



► Bergambar kenangan bersama barisan ALK dan Kakitangan Koperasi Keluarga Matuzal Timbuang Kota Marudu Berhad (1)

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sabah terus komited memperkasakan koperasi luar bandar menerusi pelaksanaan program lawatan strategik koperasi sempena JOM@COOP IKMa 2025. Program ini merupakan inisiatif berimpak tinggi yang memberi ruang kepada perkongsian ilmu, jalinan kerjasama dan penanda aras terhadap amalan terbaik dalam pengurusan koperasi. Siri lawatan yang dilaksanakan di beberapa buah daerah utama di Sabah termasuk Kundasang, Tambunan, Keningau, Matunggong dan Kota Marudu telah memberi pendedahan langsung kepada potensi besar koperasi luar bandar dalam memacu ekonomi komuniti setempat. Program ini bukan sahaja memperkukuh hubungan antara IKMa dan koperasi-koperasi di lapangan, malah menyerlahkan peranan penting koperasi sebagai pemangkin kepada pembangunan sosioekonomi luar bandar secara mampan.

Program Lawatan Strategik Koperasi Zon Sabah telah dimulakan pada 15 April 2025 dengan lokasi pertama di daerah Ranau, iaitu Koperasi Sosodikon Ranau Berhad (KOPSODIK) yang terletak di Kampung Sosodikon, Kundasang. Lokasinya hanya 10 minit dari Pekan Kundasang dan kira-kira 30 minit dari Pekan Ranau. Rombongan tiba pada pukul 3.00 petang dan disambut mesra oleh Pengurus Besar KOPSODIK, Encik Mohd Al Hafiz Sovester. Dalam sesi lawatan tersebut, rombongan telah mendengar taklimat berkenaan aktiviti semasa serta perancangan jangka pendek dan panjang koperasi, yang majoriti ahlinya terdiri daripada belia dan beliawanis Kampung Sosodikon.

Antara aktiviti utama KOPSODIK ialah penyediaan laluan *trekking* ke Sosodikon Hill, tapak perkhemahan, perkhidmatan kafe, sukan bermotor

ATV dan penjualan cenderamata kepada pelancong. Lokasi yang strategik dengan pemandangan indah serta cuaca yang sejuk dan nyaman menjadi daya tarikan utama pelancong ke kawasan ini. KOPSODIK mempunyai potensi besar dalam bidang keusahawanan dan pelancongan komuniti, lebih-lebih lagi dengan sokongan dan bimbingan berterusan daripada agensi kerajaan seperti Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan IKMa.

IKMa Zon Sabah turut mengadakan kunjungan ke Koperasi Usahawan Tani Tambunan Berhad dan Koperasi Merampong Keningau Berhad yang terletak di daerah Tambunan dan Keningau pada 21 April 2025. Kunjungan ini bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim serta membina kerjasama strategik antara koperasi terlibat dengan IKMa. Ia turut diadakan



► Bergambar bersama wakil Koperasi Anak Desa Matunggong Berhad



► Sesi taklimat daripada ALK kepada delegasi IKMa

bersempena program bicara ilmu dan JOM@COOP 2025 bertempat di Hotel Perkasa, Keningau. Kunjungan pertama berlangsung di Koperasi Usahawan Tani Tambunan Berhad, sebuah koperasi yang aktif dalam aktiviti peruncitan.

Koperasi ini menyediakan kemudahan barangan asas kepada penduduk setempat dan berperanan penting dalam menyokong ekonomi luar bandar. Delegasi IKMa disambut oleh anggota lembaga koperasi (ALK) yang berkongsi cabaran dan inisiatif mereka dalam memastikan koperasi kekal relevan dan mampan dalam jangka masa panjang. Kunjungan kedua diteruskan ke Koperasi Merampong Keningau Berhad, yang menjalankan pelbagai aktiviti ekonomi berteraskan komuniti.

Antara aktiviti utama koperasi ini ialah penyeliaan operasi Tamu Desa, iaitu pasar mingguan tradisional yang menjadi pusat jual beli penduduk kampung, serta aktiviti pertanian seperti penanaman buah-buahan dan pengurusan kolam ikan. Aktiviti ini bukan sahaja memberi pendapatan kepada anggota koperasi, malah merangsang pembangunan ekonomi setempat. Delegasi IKMa turut dibawa melawat ke tapak projek koperasi masing-masing bagi melihat pelaksanaan sebenar aktiviti ekonomi yang dijalankan.

Lokasi lawatan seterusnya diadakan di dua buah koperasi luar bandar iaitu Koperasi Anak Desa Matunggong Berhad dan Koperasi Keluarga Matuzal Timbuang Kota Marudu Berhad bertempat di Matunggong, Kudat. Lawatan pertama bertempat di Koperasi Anak Desa Matunggong Berhad, sebuah koperasi yang giat dalam aktiviti peruncitan dan pembekalan bahan binaan (hardware). Delegasi IKMa disambut mesra oleh anggota lembaga koperasi (ALK) yang berkongsi aspirasi mereka untuk menjadikan koperasi sebagai penyedia utama bahan binaan di kawasan Matunggong dan sekitarnya, sekali gus menyumbang kepada pengurangan kos logistik dan merangsang ekonomi tempatan.

Lawatan diteruskan ke Koperasi Keluarga Matuzal Timbuang Kota Marudu Berhad, sebuah koperasi keluarga yang unik kerana berjaya mengatur pelbagai aktiviti ekonomi secara kolektif dalam kalangan ahli keluarga besar mereka. Koperasi ini memiliki ladang kelapa sawit sendiri dan turut mengendalikan stesen timbang kelapa sawit. Kejayaan koperasi ini dalam mengurus operasi stesen timbang bukan sahaja memberi nilai tambah kepada anggota, malah membuka peluang kepada pekebun kecil sekitar Kota Marudu untuk menggunakan kemudahan tersebut.

Program lawatan strategik koperasi sempena JOM@COOP 2025 yang dilaksanakan oleh IKMa Zon Sabah bukan sahaja membuka ruang dialog dua hala yang konstruktif antara IKMa dan koperasi, malah menyerlahkan potensi besar koperasi luar bandar apabila menerima sokongan yang tepat dan berterusan. Lawatan ke beberapa buah koperasi di Kundasang, Tambunan, Keningau, Matunggong dan Kota Marudu telah memperlihatkan kepelbagaian aktiviti ekonomi yang dijalankan seperti pelancongan komuniti, peruncitan, pertanian, pembekalan bahan binaan dan pengurusan pasar tradisional.

Koperasi-koperasi ini jelas berperanan sebagai pemangkin pembangunan ekonomi setempat serta memberi impak sosial yang signifikan melalui penglibatan aktif komuniti, terutamanya golongan belia. Dengan semangat kerjasama dan kepercayaan terhadap gerakan koperasi, IKMa Zon Sabah kekal komited untuk terus mendekati, membimbing dan memperkasakan koperasi di seluruh pelosok negeri sejajar dengan aspirasi kerajaan dalam memperkukuh ekonomi luar bandar yang inklusif dan mampan.

Rahsia Kejayaan Koperasi "From Zero To Hero"

Norawati Ngatmin
norawati@ikma.edu.my
IKMa Zon Sabah

Program Madani Rakyat (PMR) 2025 merupakan inisiatif kerajaan yang bertujuan menyantuni rakyat di peringkat akar umbi melalui penyampaian perkhidmatan, penyebaran maklumat dasar semasa serta pendekatan pembangunan yang berteraskan kesejahteraan komuniti. Penganjuran program ini mendapat sokongan penuh daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) serta Kerajaan Negeri Sabah, dan telah berlangsung dengan jayanya di Dataran Majlis Perbandaran Tawau, Sabah.

Salah satu daripada program satelit yang menarik perhatian sepanjang PMR 2025, yang berlangsung dari 9 hingga 11 Mei 2025, ialah Program *Pocket Talk* bertajuk "Rahsia Kejayaan Koperasi: From Zero to Hero" yang telah diadakan pada 9 Mei 2025. Program ini merupakan hasil kerjasama erat antara Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sabah

dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Sabah. Melalui program ini, matlamat untuk menyampaikan perkhidmatan serta menyebarkan dasar-dasar kerajaan secara lebih dekat dan berkesan kepada masyarakat telah berjaya direalisasikan.

Sesi *Pocket Talk* ini menampilkan empat orang panel jemputan yang mewakili koperasi-koperasi yang telah berjaya mengorak langkah dari bawah hingga mencapai kejayaan. Panel terdiri daripada wakil Koperasi Pelancongan Mukim Batu Puteh Kinabatangan (KOPEL), Koperasi KPSM Kalabakan Tawau, Koperasi Wanita Berjaya Batu Sapi Sandakan, dan Federasi Koperasi Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan. Moderator sesi ini pula terdiri daripada wakil IKMa dan SKM. Dalam sesi ini, para panel berkongsi pengalaman sebenar, cabaran yang dihadapi serta strategi dan amalan

terbaik dalam membangunkan serta memajukan koperasi masing-masing.

Program ini telah berjaya menarik penyertaan seramai 106 orang peserta yang terdiri daripada wakil 23 buah koperasi, 34 orang wakil agensi, dan 21 orang individu yang berminat dalam bidang keusahawanan dan koperasi. Sesi turut diserikan dengan selingan kuiz interaktif berasaskan tema utama, di mana peserta yang berjaya menjawab soalan telah menerima hadiah sagu hati sebagai penghargaan. Menariknya, sesi ini turut memberi penekanan kepada pendekatan keusahawanan sebagai strategi untuk keluar daripada kepompong kemiskinan, selari dengan objektif utama PMR 2025. Perkongsian ilmu dan pengalaman dari koperasi-koperasi yang berjaya ini diharapkan dapat menjadi sumber inspirasi dan panduan berguna kepada peserta, khususnya dalam memperkasa peranan koperasi di peringkat komuniti.



► Penyampaian cenderahati daripada Puan Hamidah Mohd Jos, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) kepada panel forum



► Sesi perkongsian oleh wakil Koperasi Wanita Berjaya Batu Sapi Sandakan



► Sesi perkongsian oleh wakil Koperasi KPSM Kalabakan Tawau

Majlis Penghargaan Alumni G2K, Cungkil Minat Mahasiswa Berkoperasi

Nur Syazwani Zainul Abidin
nursyazwani@ikma.edu.my
Pusat Pendidikan Tinggi



► Sebahagian tetamu yang hadir bagi Majlis Penghargaan Alumni Program G2K bergambar bersama-sama YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor dan dif-dif VIP yang lain

Institut Koperasi Malaysia dengan Ikerjasama Universiti Putra Malaysia telah menganjurkan Wacana Koperasi & Majlis Penghargaan Alumni Program Graduan Ke Koperasi (G2K) bertempat di Dewan Taklimat Serdang, Bangunan Canselori Universiti Putra Malaysia pada 26 Mei 2025.

Majlis ini juga menghimpunkan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, koperasi, institusi pendidikan dan komuniti, akademik dalam usaha membincangkan hala tuju dan cabaran sektor koperasi secara kolektif.

Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran tetamu kehormat, YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKMa) yang menyempurnakan perasmian majlis serta menyampaikan penghargaan kepada peserta Program Graduan ke Koperasi

(G2K), koperasi dan Universiti rakan strategik.

Penganjuran wacana koperasi ini turut diserikan dengan lebih 120 peserta daripada pelbagai agensi, institusi, koperasi dan pelajar. Antara pengisian utama termasuk bual bicara belia, forum bertajuk “Koperasi dan Generasi Muda: Harapan dan Cabaran”, perkongsian pengalaman alumni G2K, gimik penyerahan MoU antara UPM dan IKMa, serta sesi penyampaian sijil penghargaan dan cenderamata kepada koperasi, pelajar dan Universiti yang terlibat dengan program G2K dari tahun 2021 sehingga 2025.

Penganjuran program ini diharapkan memperkukuh jalinan strategik antara universiti, koperasi dan agensi kerajaan, seterusnya memperkasa peranan institusi pengajian tinggi dalam pembangunan ekonomi melalui pendekatan koperasi.



► Bual bicara belia dengan tajuk “Menjadi Ejen Perubahan: Graduan G2K dalam Dunia Koperasi” yang disampaikan oleh Encik Zainuddin Ali



► Sesi keynote speaker dengan tajuk Pemerkasaan Ekonomi Belia: Peluang dan Potensi Era Pasca-Normal yang disampaikan oleh Prof. Madya. Dr. Mohd Mursyid Arshad, Pengarah, Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP)



► Ts Dr. Rozzamri Ashari dan YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor bergambar bersama Penerima Sijil Penghargaan Rakan Strategik Universiti iaitu UPM, UKM, USIM & UPNM bagi Program G2K

UUM Kekal Juara Pertandingan Debat Koperasi

Mohamad Haswardi Morshidi

haswardi@ikma.edu.my

Pusat Pendidikan Tinggi



► Pemenang pusingan akhir Debat Koperasi Piala Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Peringkat IPT 2025

Pertandingan Debat Koperasi Piala Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Peringkat IPT 2025 yang berlangsung selama tiga hari di Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Petaling Jaya dari 13 hingga 15 Jun 2025 bukan sekadar medan berhujah tetapi platform membina pemimpin masa hadapan. Edisi kali ke-2 ini, yang dianjurkan oleh IKMa dengan kerjasama erat Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM), telah menyaksikan penyertaan luar biasa daripada 24 pasukan institut pengajian tinggi awam dan swasta dari seluruh negara. Dengan suasana intelektual yang hangat dan kompetitif, pertandingan ini membuktikan bahawa mahasiswa Malaysia bukan sahaja petah berbicara,

malah tajam menganalisis dan berani mencorak masa depan koperasi negara melalui wacana berfakta dan berstrategi.

Universiti Utara Malaysia (UUM) sekali lagi membuktikan keunggulan apabila berjaya mempertahankan kejuaraan dan muncul Johan Pertandingan Debat Koperasi 2025. Bertindak sebagai pasukan Kerajaan Penutup dalam pusingan akhir, UUM mempamerkan hujah yang tersusun, kritis dan penuh keyakinan menonjolkan peranan belia sebagai pemangkin inovasi dan daya saing koperasi. Kemenangan bergaya ini bukan sahaja mengukuhkan reputasi UUM sebagai pasukan debat koperasi unggul, malah melayakkan mereka

membawa pulang hadiah wang tunai RM8,000, berserta piala kejuaraan dan sijil penghargaan.

Naib Johan pula menjadi milik Universiti Sains Malaysia (USM), yang tampil mantap hingga ke pentas akhir dan membawa pulang RM5,000 sebagai ganjaran. Di tempat ketiga, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) tidak kurang hebatnya, menyumbang hujah yang tersusun dan meyakinkan, sekali gus meraih RM3,000. Sementara itu, Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang berjaya melangkah ke kelompok empat terbaik, membawa pulang RM2,000 sebagai penghargaan atas usaha cemerlang mereka sepanjang kejohanan.



► Johan - Universiti Utara Malaysia



► Naib Johan - Universiti Sains Malaysia

Kesemua pasukan akhir diraikan dalam Majlis Penutupan Rasmi yang penuh simbolik dan berprestij disempurnakan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), menerusi rakaman video khas yang ditayangkan secara rasmi semasa majlis berlangsung.

Lebih manis, kejayaan UUM diserikan lagi dengan pengiktirafan individu apabila wakil mereka, Farah Aulia Ahmad Sanusi, dinobatkan sebagai Pendebat Terbaik Peringkat Akhir. Ketokohan, kejelasan dan kekuatan hujah yang dipersembahkan membuahkan hasil apabila beliau menerima hadiah

tunai RM1,500. Sementara itu, Emmed Erwan Shah dari Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) turut mencuri perhatian sepanjang kejohanan dengan prestasi konsisten dan berwibawa, menjadikan beliau penerima Anugerah Pendebat Terbaik Keseluruhan serta membawa pulang ganjaran RM1,000.



► Ketiga - Universiti Sultan Zainal Abidin



► Keempat - Universiti Malaysia Sabah



► Farah Aulia Ahmad Sanusi dari UUM dinobatkan sebagai Pendebat Terbaik Peringkat Akhir



► Emmed Erwan Shah dari UTP menerima Anugerah Pendebat Terbaik Keseluruhan

Kedua-dua anugerah ini memberi pengiktirafan kepada keunggulan individu yang menjadi tonggak utama kekuatan pasukan masing-masing.

Apa yang menjadikan pertandingan ini berbeza ialah fokus tematiknya yang padat dan mencabar. Dengan tema utama "*Koperasi Penggerak Ekonomi Masyarakat Madani*," peserta berhujah tentang isu-isu seperti dasar pendidikan koperasi, perbandingan koperasi dan *startup* dalam menangani pengangguran, serta perdebatan besar antara model kapitalisme dan koperasi. Usul separuh akhir mengenai "*Mengutamakan kepimpinan belia dalam gerakan koperasi*". Usul akhir pula membawa perbincangan tentang "*Penyertaan aktif belia dapat menjadikan koperasi lebih berdaya saing dan lestari*" merupakan satu topik yang tepat pada masanya dan sangat signifikan dalam ekosistem ekonomi semasa.

Selain debaran di pentas debat, siri kedua pertandingan kali ini turut menampilkan pengisian yang mendalam dan membina.

Para peserta berpeluang menyertai Bengkel Awareness Koperasi, yang dikendalikan oleh dua tenaga IKMa berpengalaman iaitu Puan Arfizawati dan Puan Rina Fairuz. Bengkel ini membuka minda peserta kepada asas serta arah tuju koperasi masa kini, lantas menyemai kefahaman yang lebih luas tentang fungsi koperasi dalam ekosistem sosial dan ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, medan latihan turut diperkuat dengan sesi bersama pihak Hakim, YDP dan penjaga masa. Dr. Syamir Alihan selaku Ketua Hakim dan Dr. Zaifilla Farrina sebagai Ketua Teknikal dari MADUM telah berkongsi kaedah penjurian dan teknik pengendalian persidangan debat secara sistematik dan profesional. Sesi ini bukan sahaja menjelaskan piawaian penilaian, malah membuka ruang dialog dan kefahaman dua hala yang amat bermanfaat kepada barisan Hakim dan YDP.

Pertandingan ini turut menerima sokongan padu daripada rakan strategik utama, iaitu Koperasi Sahabat Amanah

Ikhtiar Malaysia Berhad (Koop Sahabat) dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), yang turut sama menjayakan penganjuran dari segi sokongan teknikal, promosi serta penajaan. Kerjasama ini menunjukkan bahawa ekosistem koperasi kini bukan sahaja digerakkan oleh kerajaan, malah turut didukung kukuh oleh entiti seperti koperasi.

Kata-kata Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan) IKMa, cukup merumuskan aspirasi program pertandingan ini:

"Kami tidak mahu koperasi terus dilihat sebagai entiti lama. Ia adalah model ekonomi masa depan."

Pertandingan ini membuktikan bahawa apabila belia diberi ruang bersuara, mereka bukan sahaja bijak berhujah, tetapi bersedia memimpin. Tahniah kepada semua pasukan terutamanya para pendebat yang telah menyalakan bara semangat koperasi dalam dunia intelek mahasiswa.

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) IKMa

Nor Azmawati Hj Mohd Shafii

azmawati@ikma.edu.my

Unit Pengurusan Sumber Manusia



► Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2024 bergambar kenangan bersama Pengurusan Tertinggi IKMa

Pada 26 Februari 2025, bertempat di Dewan Tun Abdul Razak, Menara Berkembar Bank Rakyat, Kuala Lumpur telah diadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2024 IKMa. Majlis kali ini diadakan bersekali dengan Majlis APC KUSKOP serta beberapa agensi di bawah KUKSOP iaitu SKM, TEKUN Nasional dan SME Corp. Malaysia, bertujuan meraikan dan menghargai semua warga kerja IKMa, KUSKOP dan agensi di bawah KUSKOP yang terlibat. Majlis penting ini telah diadakan secara sederhana namun meriah yang melibatkan 22 orang penerima daripada IKMa.

Majlis yang penuh bermakna ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Beliau telah diringi oleh YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimee Daud, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Turut hadir melengkapkan majlis adalah YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa, Encik Mohd Zaib Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan) IKMa, Puan Hamidah Mohd Jos, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) IKMa, Puan Sri Datin Seri Noraesyah Saari, Pengarah Kanan Bahagian Keusahawanan & Perniagaan, Cik

Sharina Abdullah, Pengarah Kanan Bahagian Dasar & Strategi dan Puan Nor Azila Md. Tauhid, Pengarah Pentadbiran.

Dengan kerjasama padu daripada semua yang terlibat, pengurusan IKMa telah berjaya memastikan penghargaan dan pengiktirafan kepada warga yang menunjukkan prestasi kerja dan perkhidmatan yang cemerlang, dizahirkan seperti kelaziman pada setiap tahun. Seramai 22 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) diraikan dalam majlis ini. Senarai penerima anugerah perkhidmatan cemerlang adalah seperti tersebut:

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2024

- | | | |
|--|--|--|
| 1. Encik Zulkiflee bin Aspan
Pengarah Gred E12 | 9. Puan Nur Yazira binti Hamsan
Pegawai Latihan Gred E9 | 17. Puan Siti Salwani binti Mohamad Sabri
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N1 |
| 2. Puan Hajah Yusnita binti Othman
Pengarah Gred E12(M) | 10. Puan Nur Hafieza binti Hashim
Pegawai Latihan Gred E9 | 18. Puan Nurul Shahira binti Hashim
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N1 |
| 3. Encik Ju Samsuddin bin Safian
Pengarah Gred E12(M) | 11. Puan Rubiah binti Sabran
Penolong Pegawai Tadbir Gred N6 | 19. Encik Muhammad Azam bin Norazman
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N1 |
| 4. Puan Syarifah Rohaya binti Wan Idris
Ketua Cawangan Gred E12(M) | 12. Encik Hasrol Nazry bin Hashim
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA5 | 20. Puan Noor Azreenda binti Mohamad Azman
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N1 |
| 5. Encik Asha'ari bin Arshad
Pegawai Latihan Gred E10 | 13. Encik Mohamad Syahman bin Ramli
Juruteknik Komputer Gred FT3 | 21. Encik Mohd. Za'aba bin Mohd Hanafiah
Pembantu Khidmat Am Gred H1 |
| 6. Encik Md. Nasrein bin Islah
Pegawai Tadbir Gred N9 | 14. Encik Amiruddin bin Muhamad Saim
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N2 | 22. Encik Muhammad Abdul Hallim bin Zabidi
Pembantu Khidmat Am Gred H1 |
| 7. Puan Noor Azrin binti Kasim
Pegawai Latihan Gred E9 | 15. Puan Siti Zaleha binti Mohammad
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N2 | |
| 8. Puan Nur Syamimi binti Othman
Pegawai Latihan Gred E9 | 16. Encik Muhammad Azizi bin Ansar
Pembantu Kemahiran Gred H2 | |

Penerima APC dianugerahkan dengan Sijil Perkhidmatan Cemerlang dan juga insentif Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) berjumlah RM1000. Majlis ini juga telah diserikan dengan persembahan daripada Tekun Band. Turut menghiburkan kira-kira 500 orang tetamu dan penerima anugerah ialah artis Zamani yang menyampaikan beberapa buah lagu bagi menghiburkan semua. Majlis juga turut diselang-seli dengan

acara cabutan bertuah yang menyediakan hadiah yang menarik.

Pihak pengurusan IKMa mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas perkhidmatan cemerlang yang telah ditunjukkan pegawai dan juga atas jasa yang telah dicurahkan bagi memastikan IKMa terus berdaya maju dalam menjayakan visi dan misi pembangunan modal insan

koperasi. Urus setia IKMa yang terlibat juga telah menunjukkan komitmen tinggi dari tahun ke tahun bagi memastikan majlis ini berjalan dengan lancar.

Semoga penganjuran majlis penganugerahan ini dapat terus menjadi platform penyumbang motivasi dan memberi inspirasi kepada warga IKMa yang lain.

SEWA KEMUDAHAN IKMa

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) menawarkan perkhidmatan penyewaan kemudahan untuk pelbagai PROGRAM dan MAJLIS. Berikut adalah kadar sewa yang ditawarkan:

AUDITORIUM DATO' A. MAJID	
- Kapasiti 220 pax - Wang cagaran RM300.00	
KOPERASI/AGANSI YANG MENYELIA KOPERASI	BUKAN ANGGOTA KOPERASI
Sewa 5 jam RM1,250.00	Sewa 5 jam RM1,500.00
Tambahan caj setiap jam RM180.00	Tambahan caj setiap jam RM190.00
TV Wall/Smart Board RM1,750.00 (5 jam)	TV Wall/Smart Board RM1,750.00 (5 jam)

DEWAN ABDUL AZIZ ISHAK	
- Kapasiti 250 pax - Wang cagaran RM300.00	
KOPERASI/AGANSI YANG MENYELIA KOPERASI	BUKAN ANGGOTA KOPERASI
Sewa 5 jam RM1,250.00	Sewa 5 jam RM1,500.00
Tambahan caj setiap jam RM180.00	Tambahan caj setiap jam RM190.00

DEWAN MAKAN (SERI SIANTAN/SERI TANJUNG)	
- Kapasiti 220 pax - Wang cagaran RM300.00	
KOPERASI/AGANSI YANG MENYELIA KOPERASI	BUKAN ANGGOTA KOPERASI
Sewa 5 jam RM1,250.00	Sewa 5 jam RM1,500.00
Tambahan caj setiap jam RM180.00	Tambahan caj setiap jam RM190.00
LCD Projektor RM500.00 (5 jam)	LCD Projektor RM600.00 (5 jam)

BILIK KULIAH (BESAR) – BUNGA RAYA	
- Kapasiti 80 pax - Wang cagaran RM300.00	
KOPERASI/AGANSI YANG MENYELIA KOPERASI	BUKAN ANGGOTA KOPERASI
RM380.00 (5 Jam)	RM500.00 (5 Jam)
Tambahan caj setiap jam RM65.00	Tambahan caj setiap jam RM65.00
TV Wall/Smart Board RM400.00 (5 jam)	TV Wall/Smart Board RM400.00 (5 jam)

BILIK KULIAH (KECIL) – MELATI, MELUR & SEROJA	
- Kapasiti 30 pax - Wang cagaran RM300.00	
KOPERASI/AGANSI YANG MENYELIA KOPERASI	BUKAN ANGGOTA KOPERASI
RM250.00 (5 Jam)	RM400.00 (5 Jam)
Tambahan caj setiap jam RM65.00	Tambahan caj setiap jam RM65.00
TV Wall/Smart Board RM400.00 (5 jam)	TV Wall/Smart Board RM400.00 (5 jam)

BILIK PENGINAPAN	
Wang cagaran RM300.00 (Berkumpulan)	
JENIS A	
KOPERASI/AGANSI YANG MENYELIA KOPERASI	BUKAN ANGGOTA KOPERASI
RM100.00/malam	RM115.00/malam
JENIS B	
KOPERASI/AGANSI YANG MENYELIA KOPERASI	BUKAN ANGGOTA KOPERASI
RM65.00/malam	RM75.00/malam

BILIK KOMPUTER (BESAR) – ATOM & NANO	
- Kapasiti 50 pax - Wang cagaran RM300.00	
ANGGOTA KOPERASI/AGANSI YANG MENYELIA KOPERASI	BUKAN ANGGOTA KOPERASI
RM450.00 (9 Jam)	RM450.00 (9 Jam)
Tambahan caj RM30.00 setiap komputer yang digunakan	Tambahan caj RM30.00 setiap komputer yang digunakan

BILIK KOMPUTER (KECIL) – XEON	
- Kapasiti 30 pax - Wang cagaran RM300.00	
ANGGOTA KOPERASI/AGANSI YANG MENYELIA KOPERASI	BUKAN ANGGOTA KOPERASI
RM450.00 (9 Jam)	RM450.00 (9 Jam)
Tambahan caj RM30.00 setiap komputer yang digunakan	Tambahan caj RM30.00 setiap komputer yang digunakan

SKYLIGHT	
Wang cagaran RM300.00	
KOPERASI/AGANSI YANG MENYELIA KOPERASI	BUKAN ANGGOTA KOPERASI
Sewa 5 jam RM550.00	Sewa 5 jam RM600.00

GELANGGANG FUTSAL & PETANQUE	
Wang cagaran RM300.00	
KOPERASI/AGANSI YANG MENYELIA KOPERASI	BUKAN ANGGOTA KOPERASI
Sewa 5 jam RM80.00	Sewa 5 jam RM140.00
Tambahan caj setiap jam RM40.00	Tambahan caj setiap jam RM40.00



Maklumat lanjut sila hubungi:

Unit Fasilitas dan Sajian

Institut Koperasi Malaysia
103, Jalan Templer
46700 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

- 03-7964 9000 (samb. 098)
- sewa@ikma.edu.my
- www.ikma.edu.my

BAHAN PENERBITAN Institut Koperasi Malaysia (IKMa)

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) menerbitkan pelbagai bahan berkaitan koperasi, termasuk:

Jurnal

Malaysia Journal of Cooperative Studies (MJCS): MJCS adalah jurnal akademik yang diterbitkan satu kali setahun oleh IKMa. Jurnal ini menerbitkan artikel penyelidikan tentang koperasi dari seluruh dunia.



Laporan Tahunan

Laporan tahunan IKMa: IKMa menerbitkan laporan tahunan yang memaparkan pencapaian dan aktiviti IKMa sepanjang tahun.

Majalah

- **Dimensi Koop:** Dimensi Koop adalah majalah yang diterbitkan oleh IKMa untuk gerakan koperasi dan orang awam. Majalah ini menyediakan artikel tentang koperasi di Malaysia khususnya.



Monograf Penyelidikan

IKMa menerbitkan monograf penyelidikan tentang pelbagai aspek koperasi. Ia bertujuan untuk membantu meningkatkan pengetahuan dan pemahaman tentang koperasi.



Buku

IKMa menerbitkan buku dan rujukan untuk gerakan koperasi. Buku-buku ini meliputi topik seperti tadbir urus, pengurusan kewangan, pengurusan koperasi dan Kisah Kejayaan Koperasi Dalam dan Luar Negara dan lain-lain lagi.



- **INFO:** Majalah INFO merupakan majalah tentang aktiviti atau program yang dijalankan oleh IKMa bagi sepanjang tahun. Ia diterbitkan sebanyak dua kali setahun.

Cara Mendapatkan Bahan Penerbitan IKMa

Bahan penerbitan IKMa boleh didapati dengan cara berikut:

- Membeli secara dalam talian: Kebanyakan bahan penerbitan IKMa boleh dibeli secara dalam talian di laman web e-learning.ikma.edu.my.
- Memuat turun secara percuma: Beberapa bahan penerbitan IKMa boleh dimuat turun secara percuma di laman web IKMa.

Untuk maklumat lanjut tentang bahan penerbitan IKMa, sila layari laman web IKMa di <https://www.ikma.edu.my/> atau hubungi Unit Pembangunan Modal Insan dan Transformasi Digital di talian 037964 9155.